THOUGHT LEADER

LAPORAN TAHUNAN 2020
ANNUAL REPORT



LEADING COLLABORATION IN SCIENCE
1995-2020



AKADEMI SAINS MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2020

IMBAS UNTUK BACA LAPORAN INI VERSI DIGITAL

©Akademi Sains Malaysia
Tulisan dan rekaan grafik oleh Akademi Sains Malaysia

THOUGHT LEADER '20

Laporan ini merupakan sumber maklumat utama mengenai Akademi Sains Malaysia (ASM). Laporan ini memberikan gambaran umum yang ringkas mengenai pencapaian kami serta prestasi kewangan dan bukan kewangan bagi tahun 2020.

Penglibatan kami dengan pihak pemegang taruh dalaman dan luaran turut dibentangkan. Selain itu, inisiatif, rakan strategik, dan strategi serta matlamat masa depan kami turut dikemukakan untuk menunjukkan kredibiliti kami sebagai sebuah badan pemikir. Objektif kami adalah untuk memperkukuh kepercayaan para pemegang taruh melalui pelbagai input dan idea strategik yang kami usulkan.



KONSEP

Laporan Tahunan 2020 memaparkan logo Ulang Tahun ke-25 di muka hadapan dengan latar belakang berwarna perak menandakan sambutan Jubli Perak ASM. Warna perak ini juga memberi konsep teknologi moden yang dimanfaatkan sepanjang tahun. Kami bekerja, belajar dan berkomunikasi antara satu sama lain menggunakan peranti dan alat sepenuhnya.

Angka 25 dengan kemasan *die-cut* membolehkan pembaca untuk melihat halaman seterusnya yang memaparkan Felo ASM semasa Mesyuarat Agung Tahunan yang dijalankan secara dalam talian. Mesyuarat kali ini mencatat sejarah susulan jumlah penyertaan tertinggi dalam 25 tahun penubuhan ASM. Slogan Menerajui Kolaborasi dalam Sains (*Leading Collaboration in Science*) memberi gambaran tepat mengenai tahun 2020 yang kami jalani di mana masing-masing saling bekerjasama dalam menjalankan tugas. Kami bekerja bersama masyarakat, organisasi dan rakan strategik dari seluruh dunia untuk mencapai matlamat, visi dan misi kami.

kandungan.

























Mengenai ASM	8
Titipan Presiden	10
Ahli Majlis 2020-2021	13
Angka di Sebalik 2020	14
Input Strategik untuk Ekosistem STI yang Kukuh	16
Budaya Kecemerlangan Sains	45
Memupuk Inovasi Terbuka	54
Pemahaman dan Kesedaran Awam Terhadap Sains	62
Komunikasi Sains	74
Mengukuhkan Kolaborasi dan Rangkaian Antarabangsa	80
Jaringan Pakar	89
Penyata Kewangan	94

Mengenai ASM

SIAPA KAMI

ASM berusaha menjadi Peneraju Pemikir yang diiktiraf bagi isu berkaitan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

ASM komited dalam memupuk kecemerlangan dalam bidang Sains, Kejuruteraan dan Teknologi (SET) untuk kebaikan masyarakat sejagat.

AKTIVITI KAMI

ASM menyokong sains yang bermanfaat dengan menggalakkan aktiviti yang mempromosikan penglibatan, pemahaman dan literasi dalam STI.

Sains di luar jangkauannya merupakan suatu pengalaman yang memacu kita ke arah yang lebih menarik, dipenuhi dengan penglibatan dengan pelbagai lapisan masyarakat. Pada akhirnya, komitmen ASM adalah untuk meningkatkan keupayaan saintifik negara ini.

KAJIAN STRATEGIK PERDANA STI & PENASIHAT DASAR	Laporan Penasihat & Kertas Posisi | Pembangunan Pelan Tindakan & Pelan Pembangunan | Pemikiran & Pandangan Masa Depan | Dasar Kebangsaan / Sektoral | Penilaian & Rumusan | Kewajaran Keputusan & Amalan Terbaik Dalam STI | Tindak Balas Terhadap Isu Nasional & Antarabangsa
INISIATIF & RAKAN STRATEGIK	Kajian Diterajui Pakar | Komunikasi, Pembudayaan & Penglibatan dalam Sains | Pembinaan Kapasiti STI | Anugerah, Geran dan Pengiktirafan | Hubungan Strategik STI
JARINGAN ANTARABANGSA	Ahli *Science Council of Asia* (SCA), *Association of Academies and Societies in Asia* (AASSA), *The InterAcademy Partnership* (IAP), *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC), *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN), *The World Academy of Sciences* (TWAS) | Program Saintis Muda – CERN & Lindau | Membida geran antarabangsa – ASEAN & APEC
KOMUNIKASI SAINS	Penerbitan | Jurnal Sains ASM | Komunikasi Korporat | Perhubungan Awam | Penglibatan Media | Pengurusan & Visualisasi Data
PROJEK RINTIS	*Malaysian Collaborative Network for Innovation* (i-Connect) | *Malaysia Open Science Platform* (MOSP)



- Menjadi Peneraju Pemikir
- Menjadi Badan Penasihat Apex dalam hal berkaitan STI
- Menjadi penggalak yang efektif terhadap kesedaran dan pemahaman awam tentang STI
- Menjadikan STI sebagai asas bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat



- Menasihati Kerajaan berkenaan hal STI yang berkepentingan kepada negara dan antarabangsa
- Memupuk budaya kecemerlangan SET di Malaysia
- Membantu meningkatkan keupayaan teknologi sektor industri di Malaysia
- Menggalakkan kesedaran dan pemahaman umum mengenai kepentingan STI dalam kehidupan seharian
- Menjalin jaringan dan kerjasama antarabangsa
- Menghasilkan penerbitan saintifik



- Memanfaatkan pemikiran saintifik untuk menentukan hala tuju STI negara
- Memupuk budaya kecemerlangan SET
- Memastikan input STI yang berwibawa dan tepat pada masanya
- Menggalakkan penggunaan dan aplikasi sains untuk kesejahteraan rakyat
- Memudahcara pelaksanaan strategi ekonomi berasaskan inovasi



Dalaman
Felo | *Associates* | *Young Scientists Network-Academy of Sciences Malaysia* (YSN-ASM) | *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM)

Luaran
Kerajaan Malaysia | Agensi | Industri | Institusi Penyelidikan | Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) | Badan Profesional STI | Organisasi STI antarabangsa | Masyarakat awam



- Memberi khidmat nasihat yang bebas, boleh dipercayai, berasaskan data yang tepat pada masanya
- Komited dalam mewujudkan program yang berkualiti ke arah pembangunan asas STI negara yang kukuh
- Mewakili Malaysia dan komuniti saintifiknya di arena antarabangsa
- Menyebarkan pengetahuan saintifik

Para Pembaca,

TABAH MENGHADAPI KETIDAKPASTIAN

Sambutan ulangtahun ke-25 ASM merupakan suatu pencapaian yang amat membanggakan, terutama sekali ketika berlatarbelakangkan pandemik yang melanda. Bulan Februari merupakan bulan terakhir di mana kita dapat menjalani kehidupan yang "normal".

Sebagai salah sebuah akademi sains yang terbaharu di dunia, ASM mempunyai keupayaan dan kesediaan untuk mempraktikkan ruang digital dalam meneruskan pelbagai aktiviti berunsurkan sains di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa meskipun dunia dilanda pandemik COVID-19.

Felo ASM telah menggunakan kepakaran masing-masing dalam usaha untuk menangani pandemik tersebut. Mereka telah berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman masing-masing untuk memastikan keputusan berdasarkan fakta disampaikan dengan baik, seiring dengan usaha akademi sains dari negara lain dalam menyediakan penyelesaian kepada isu pandemik ini. Selain itu, ASM telah membentuk *Special Interest Group* (SIG) COVID-19 yang terdiri daripada Felo ASM dan ahli YSN-ASM. SIG tersebut telah menyediakan sebanyak sepuluh lembaran fakta mengenai virus tersebut.

Dengan kerjasama pelbagai pihak, ASM telah mengharungi tahun 2020 dengan pelbagai kejayaan. Namun begitu, Felo ASM perlu sentiasa memastikan bahawa maklumat yang disampaikan adalah berasaskan fakta, serta berusaha untuk memerangi penyebaran maklumat palsu.

Pada tahun ini, hampir 50 peratus daripada Felo ASM telah menghadiri Mesyuarat Agung yang julung kalinya diadakan secara maya. Ini merupakan kehadiran yang tertinggi dicatat sejak penubuhan ASM. Kehadiran yang memberangsangkan ini telah membangkitkan suasana yang mesra dan bersemangat dalam kalangan Felo ASM. Sehubungan dengan itu, ASM telah mula melaksanakan pelbagai program secara maya, yang merupakan suatu keputusan yang bijak. Sebanyak 25 webinar telah dijalankan sepanjang tahun 2020 dan program-program tersebut telah mencatatkan sebanyak 271,000 tontonan.

Salah sebuah program utama ASM iaitu *National Science Challenge* (NSC) turut dijalankan secara maya pada tahun ini. *Virtual* NSC (VNSC) yang bertemakan Ke Arah Komuniti Berdaya Tahan Terhadap Pandemik Melalui Sains telah disertai oleh 1,027 pasukan. Tema VNSC telah dipilih untuk membolehkan para belia memahami impak pandemik serta menyediakan penyelesaian terhadap isu yang dihadapi dalam memerangi virus tersebut.

Ahli YSN-ASM telah memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan VSNC. Mereka juga turut memacu perubahan dalam pelaksanaan program lain pada tahun 2020. YSN-ASM *Science Cafe* merupakan salah satu program yang dijalankan semasa Minggu Sains Negara 2020. Sebanyak 11 sesi *Science Cafe* telah dijalankan sepanjang tahun 2020, yang telah dijalankan sama ada secara fizikal (sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)) atau secara maya (semasa PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)). Sembilan sesi *Science Cafe* yang diadakan secara maya telah mencapai sebanyak 25,000 tontonan, sebuah pencapaian yang memberangsangkan.

ASM *ArtScience™* merupakan salah sebuah inisiatif ASM dalam melangsungkan penumpuan ilmu pengetahuan demi masa depan. *ArtScience™* telah diperkenalkan pada penghujung tahun 2019 yang menampilkan pemurnian bidang sains dan bidang seni. Sebanyak 60 penyertaan telah diterima untuk inisiatif tersebut, dan penyertaan tersebut akan dipaparkan secara maya pada bulan Jun 2021.

Rangka kerja *10-10 Malaysian Science, Technology, Innovation, and Economic* (MySTIE) merupakan salah satu projek kebanggaan ASM yang telah diterimapakai di peringkat kebangsaan. Rangka kerja tersebut telah memperkukuh kedudukan ASM di tahap tertinggi di peringkat kebangsaan dan telah mengiktiraf impak STI terhadap ekonomi negara. MySTIE turut menghasilkan bidang-bidang STIE baharu yang menghubungkan sektor-sektor sains, teknologi, inovasi dan ekonomi.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para Felo ASM yang telah meyumbangkan tenaga, masa dan kewangan mereka dalam usaha memajukan sains dalam kalangan masyarakat, serta mengarusperdanakan dan meluaskan impak aktiviti ASM.

Saya berharap agar kita dapat menyaksikan kejayaan yang berterusan dalam dekad yang akan datang.

Profesor Datuk Dr Asma Ismail FASc

» Saksikan Ucapan Presiden 2020 semasa Mesyuarat Agung ke-25 di sini.




1


2


3


4


5


6


7


8


9


10


11


12


13


14


15


16

AHLI MAJLIS

1) PROFESOR DATUK DR ASMA ISMAIL FASc
Presiden (2019-2022)
Sains Perubatan dan Kesihatan

2) PROFESOR DATO' IR DR A. BAKAR JAAFAR FASc
Timbalan Presiden (2020-2022)
Sains Kejuruteraan

3) PROFESOR DATO' DR AWG BULGIBA AWG MAHMUD FASc
Setiausaha Agong (2019-2021)
Sains Perubatan dan Kesihatan

4) DATUK DR ABDUL RAZAK MOHD ALI FASc
Bendahari (2019-2021)
Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri

AHLI BIASA (2020-2021)

5) PROFESOR DATO' DR AHMAD IBRAHIM FASc
Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri (2020-2022)

6) PROFESOR DR AHMAD ISMAIL FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2020-2022)

7) ACADEMICIAN TAN SRI DATO' IR TS AHMAD ZAIDEE LAIDIN FASc
Sains Kejuruteraan (2019-2021)

8) PROFESOR DATIN PADUKA SETIA DATO' DR AINI IDERIS FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2021)

9) ACADEMICIAN PROFESOR DATO' DR KHAIRUL ANUAR ABDULLAH FASc
Sains Perubatan dan Kesihatan (2020-2022)

10) IR TS CHOO KOK BENG FASc
Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri (2019-2021)

11) DR HELEN NAIR FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2021)

12) ACADEMICIAN EMERITUS PROFESOR DATO' DR KHALID YUSOFF FASc
Sains Perubatan dan Kesihatan (2020-2022)

13) PROFESOR DATIN PADUKA DR KHATIJAH MOHD YUSOFF FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2021)

14) EMERITUS PROFESOR DR PHANG SIEW MOI FASc
Sains Biologi, Pertanian dan Alam Sekitar (2019-2021)

15) PROFESOR DR SHAMALA DEVI K.C. SEKARAN FASc
Sains Perubatan dan Kesihatan (2019-2021)

16) PROFESOR DR YVONNE LIM AI LIAN FASc
Sains Perubatan dan Kesihatan (2020-2022)

JARINGAN PAKAR

394 FELO AKADEMI SAINS MALAYSIA

(28) FELO KANAN

8 KUMPULAN DISIPLIN

- Teknologi Maklumat & Sains Komputer
- Sains Biologi, Pertanian & Alam Sekitar
- Sains Kejuruteraan
- Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri
- Sains Perubatan & Kesihatan
- Matematik, Fizik & Sains Bumi
- Sains Kimia
- Sains Sosial & Kemanusiaan

11 PENERIMA ANUGERAH MSA

166 PENERIMA TRSM

214 AHLI YSN-ASM

50 AHLI GABUNGAN

INPUT STRATEGIK

3 LAPORAN STI:
Precision Medicine
Science Education
Natural Rubber

2 KAJIAN PERDANA:
Science Outlook 2020
10-10 *My*STIE

4 RAKAN STRATEGIK:
WST2040
EQA 1974
Pollution Act
Nanotech Policy

7 SPECIAL INTEREST GROUPS:
Precision Biodiversity | Hydrogen Economy | Zoonosis
Robotics | Machine Learning
Blue Economy | COVID-19

INISIATIF & AKTIVITI

289 WACANA

25 WEBINAR

47 SESI PERKONGSIAN ILMU

2 PROJEK RINTIS

1 INISIATIF

1 PROGRAM PERDANA

6 PENERBITAN

30,940 JUMLAH PEMBACA

123 *ARTIKEL DALAM* ***ASM SCIENCE JOURNAL***
+6 Isu Khas

LIPUTAN MEDIA & CAPAIAN

656 BERITA **DALAM TALIAN & CETAK**

35,209 KOMUNITI MEDIA SOSIAL

11 **ISU** (SURAT BERITA DIGITAL) **ASM FOCUS**

Input Strategik untuk Ekosistem STI yang Kukuh



Menuju Kemakmuran, Kesejahteraan Masyarakat & Daya Saing di Peringkat Global

10-10 *My*STIE FRAMEWORK

Peranan STI adalah penting untuk pembangunan ekonomi dan perkembangan sosial. Justeru, ASM telah merangka satu rangka kerja yang dikenali sebagai *10-10 Malaysian Science, Technology, Innovation and Economic* (MySTIE) Framework dengan mengintegrasi 10 pemacu utama sosio-ekonomi dengan 10 pemacu sains dan teknologi (S&T) yang sejajar dengan keperluan dan kekuatan Malaysia.

Sembilan puluh lima teknologi memuncul yang dikenal pasti dalam laporan kajian *Emerging Science, Engineering & Technology* (ESET) terbitan ASM, serta kajian peringkat global, analisis paten dan jangkaan teknologi telah dikumpulkan dalam 10 pemacu S&T. Manakala, 10 pemacu sosio-ekonomi dikenal pasti melalui bidang keutamaan penyelidikan nasional (*National Key Economic Areas* (NKEA), *National Science Research Council (NSRC) Priority Areas*) dan analisis mengenai ekosistem industri di pelbagai sektor ekonomi. Lebih 80 sesi libat urus yang disertai oleh pihak penggubal dasar, komuniti saintifik, akademik, pemimpin industri dan pihak profesional STI telah dianjurkan sejak Mac 2020 untuk mengumpul input dan maklum balas.

Tiga puluh Bidang Keutamaan STIE telah dikenal pasti melalui beberapa siri sesi libat urus dengan pihak berkepentingan bagi memastikan ianya selari dengan aspirasi negara. Bidang keutamaan ini telah diterima oleh Majlis Sains Negara pada 14 Julai 2020 dan akan dinilai setiap 2-3 tahun untuk memastikan ianya kekal relevan seiring perubahan masa.

Laporan *10-10 MySTIE Framework* telah dilancarkan pada 8 Disember 2020 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairi Jamaluddin, melalui siaran Astro Awani. Pelancaran ini merupakan pelancaran secara maya yang pertama bagi ASM berikutan keperluan mengamalkan norma baharu. Sesi perkongsian pengetahuan dengan organisasi tempatan dan antarabangsa (seperti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Pertahanan, *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Bank Negara Malaysia dan Bank Dunia) juga dianjurkan untuk meluaskan penglibatan rangka kerja ini. 10-10 *My*STIE akan membolehkan pembangunan inisiatif STIE yang lebih strategik di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan seterusnya. E-buku ini telah dimuat turun lebih 700 kali dalam bulan pertama pelancarannya.

Rangka Kerja ini turut menyokong kolaborasi dengan membolehkan komunikasi pelbagai saluran dan maklum balas sesama pihak berkepentingan. Lapan kluster platform kolaborasi akan menyediakan penyelesaian yang lebih holistik dan akan membantu pelaksanaan projek strategik berimpak tinggi di seluruh Malaysia. Untuk menangani jurang ekonomi demi pembangunan negara yang lestari, Rangka Kerja ini akan menyediakan pendekatan sistematik untuk mengubah Malaysia ke arah ekonomi berteraskan pengetahuan intensif. Langkah ini akan membolehkan pembangunan 30 bidang keutamaan STIE yang inklusif bagi tujuan penjanaan kekayaan dan kesejahteraan sosial.

> “Peranan STI dalam pembangunan ekonomi tidak boleh dipertikaikan lagi. Malaysia mengiktiraf pengaruh STI ke atas ekonomi dan impaknya terhadap pembangunan sosial. Keduanya saling berkait rapat; oleh itu, terma STIE diperkenalkan untuk menekankan kepentingan pendekatan ekosistem sebagai penjana kemajuan negara.”

YB Khairy Jamaluddin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi,
di pelancaran maya *10-10 MySTIE Framework*

10 Pemacu S&T

- 5G / 6G
- TEKNOLOGI SENSOR
- PENCETAKAN 4/5D
- BAHAN TERMAJU
- SISTEM CERDAS TERMAJU
- KESELAMATAN SIBER & ENKRIPSI
- AUGMENTASI ANALITIK & PENEROKAAN DATA
- BLOK RANTAI
- NEURO TEKNOLOGI
- TEKNOLOGI BIOSAINS

10 Pemacu sosio-ekonomi

- TENAGA
- PERKHIDMATAN PERNIAGAAN & KEWANGAN
- KEBUDAYAAN, KESENIAN & PELANCONGAN
- PERUBATAN & PENJAGAAN KESIHATAN
- TEKNOLOGI & SISTEM PINTAR (KEJURUTERAAN & PEMBUATAN GENERASI BAHARU)
- BANDAR PINTAR & PENGANGKUTAN
- AIR & MAKANAN
- PERTANIAN & PERHUTANAN
- PENDIDIKAN
- ALAM SEKITAR & BIODIVERSITI

30 Bidang Keutamaan STIE untuk 10 Pemacu Sosio-ekonomi

Tenaga


Kepelbagaian Tenaga Boleh Diperbaharui


Sistem Penyimpanan Tenaga


Grid Mikro

Bandar Pintar & Pengangkutan


Pengurusan Bersepadu Infrastruktur & Infostruktur


Sistem Pintar untuk Komuniti Bandar – Luar Bandar Terhubung


Reka Bentuk & Analitik Berpaksikan Manusia

Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan



Model Perniagaan Langganan & Platform Perkongsian


Perkhidmatan Berdigital & Berautonomi


Teknologi Kewangan dalam Kewangan Islam

Air & Makanan


Makanan Halal Premium


Makanan Unggul Tempatan


Pengurusan Sumber Air Bersepadu

Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan


Model Perniagaan Langganan & Platform Perkongsian


Pelancongan Digital


Pelancongan Nilai Tinggi

Pertanian & Perhutanan


Makanan Laut Nilai Tinggi


Buah-buahan Tropikal Premium


Input Pertanian Tempatan


Pengurusan Rantaian Bekalan Pintar untuk Kelestarian Produk Hutan

Perubatan & Penjagaan Kesihatan


Kandungan Kreatif & Warisan


Perubatan Kepersisan


Hub Ujian Klinikal bagi Negara Membangun

Pendidikan


Pembelajaran yang Diperibadikan & Berasaskan Pengalaman


Pensijilan Mikro


Pembelajaran Dalam Talian Global: Mempromosikan Kandungan Tempatan

Teknologi & Sistem Pintar (Kejuruteraan & Pembuatan Generasi Baharu)


Bahan Termaju untuk Ekonomi Kitaran & Masyarakat Lestari


Kilang Pintar Generasi Hadapan


Pembuatan Peranti Pintar & Pembangunan Teknologi

Alam Sekitar & Biodiversiti


Biodiversiti Kepersisan


Produk Eko-Inovatif daripada Bahan Buangan

Imbas kod QR untuk baca laporan penuh

Kertas Posisi

Inisiatif Perubatan Kepersisan di Malaysia

Inisiatif ini mengkaji kemungkinan mengarusutamakan perubatan kepersisan untuk melengkapkan amalan klinikal semasa. Berikut adalah dapatan dari kajian ini:

Peraturan dan Perundangan
• Untuk menyediakan rangka kerja undang-undang dan peraturan termasuk mengemas kini Akta yang berkaitan. Agensi pengawalselia perlu cekap untuk memastikan bidang ini dapat berkembang pesat.

Inisiatif Biobank Negara
• Untuk melabur dalam biobank sebagai penyelaras pusat. Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) sedia ada boleh digunakan sebagai biobank peringkat nasional.
• Penyelaras bagi pelbagai inisiatif adalah perlu untuk memastikan impak perubatan kepersisan bersepadu. Langkah ini memerlukan penyelarasan di peringkat persekutuan, negeri dan institusi.

Inisiatif Data Raya
• Untuk melabur dalam infrastruktur bagi pusat penyelaras untuk menerima, mengambil dan menganalisis data pesakit tetapi mengekalkan akta privasi data pesakit (yang akan digubal).
• Pelaksanaan dan penerimaan piawaian integriti perkongsian data akan mempercepat perkongsian data. Langkah ini akan menjadi pemangkin kepada pengembangan terapi baharu, teknologi dan sistem ramalan.

Pengurusan Bakat
• Untuk memastikan sumber bakat yang terlatih dan mencukupi bagi pelaksanaan inisiatif perubatan kepersisan yang berkesan.
• Untuk memasikan inisiatif ini berjaya, tenaga kerja yang berkelulusan, berpendidikan dan berkemahiran diperlukan di setiap peringkat sistem. Ini termasuklah ahli bioinformatik dan kaunselor genetik.

Pentauliahan Makmal
• Pentauliahan ISO 15189 untuk semua makmal diagnostik molekul.
• Langkah ini bertujuan untuk memastikan sistem teknologi makmal yang cekap dan bersepadu dengan keseluruhan sistem kesihatan untuk memberi manfaat kesihatan maksimum kepada masyarakat.

Usaha Kerjasama dalam Penyelidikan
• Untuk memberikan insentif cukai seperti pemotongan dan pengecualian cukai kepada industri untuk mengambil bahagian dalam inisiatif ini.
• Penglibatan awam-swasta yang inklusif, bersepadu dan berterusan sama ada dengan rakan tempatan atau antarabangsa adalah penting bagi menyatukan penyelidikan, teknologi dan perkembangan proses untuk keberkesanan inisiatif perubatan kepersisan di Malaysia.

Peningkatan Akses kepada Diagnosis dan Rawatan
• Untuk mengawal selia dan memastikan akses dan kesediaan bagi rawatan berasaskan perubatan kepersisan untuk semua kes dan ubat-ubatan penting Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).
• Perubatan kepersisan akan mengubah hubungan antara pesakit, pengamal dan penyedia perkhidmatan swasta yang lain. Oleh itu, agensi pengawalselia perlu mengembangkan kepakaran dalam bidang ini dan memastikan sinergi dalam sistem penjagaan kesihatan di semua negeri di Malaysia.

Kertas posisi ini telah dibentangkan kepada Dr Hishamshah Mohd Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal), pada November 2020 untuk mendapatkan pandangan dan sokongan Kementerian Kesihatan (KKM). KKM menyedari keperluan pelan nasional untuk menambah baik pengurusan rawatan pesakit dengan memanfaatkan kelebihan masing-masing. Hasil mesyuarat ini membolehkan penemuan ASM dibentangkan bersama pembentangan KKM kepada *High-Tech Nation Council* (HTNC) yang dipengerusikan oleh Menteri MOSTI, YB Khairy Jamaluddin pada Disember 2020.

Pembentangan bersama ini merangkumi pendekatan bersifat peribadi, ramalan, pencegahan dan penyertaan terhadap perubatan, dilengkapi analisis data raya untuk memberikan cadangan bersifat peribadi. Ia diluluskan untuk dibentangkan di Majlis Sains Negara pada suku pertama tahun 2021.

HTNC menyediakan pelan strategik kepada teknologi sedia ada dan memuncul yang berpotensi untuk dibangunkan di Malaysia. HTNC akan memberi laporan terus kepada Majlis Sains Negara, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Pengerusi:
Profesor Datuk Dr A Rahman A Jamal FASc

Penubuhan:
September 2017

Imbas Kod QR untuk baca laporan penuh.

Science Outlook

***Science Outlook 2020* (SO2020)** merupakan edisi yang diterbitkan selepas *Science Outlook 2015* dan *Science Outlook 2017*. SO2020 meneroka kemajuan dan perkembangan ekosistem STI sejak tahun 1991, tahun di mana pengisytiharan Wawasan 2020 diumumkan. SO2020 akan mengkaji ekosistem STI dan kesannya terhadap dimensi **ekonomi**, **masyarakat** dan **alam sekitar** selama 30 tahun ini.

Science Outlook 2015 dan *Science Outlook 2017* mendapat perhatian yang meluas, dan lebih dari 50% cadangan yang dikemukan dalam kedua laporan tersebut telah diambil oleh pihak berkepentingan yang berkaitan. Versi dalam talian bagi kedua-dua laporan tersebut juga telah mendapat kira-kira 100,000 capaian, dengan SO2020 juga dijangka mendapat perhatian yang sama dari kesemua pihak berkepentingan, kerajaan, industri, komuniti saintifik dan masyarakat awam.

Objektif kajian ini:

- Untuk mengkaji status lanskap STI di Malaysia, termasuk arah aliran, cabaran, dan pencapaian utama
- Untuk menentukan kesan ekosistem STI Malaysia dari perspektif ekonomi, sosial dan persekitaran
- Untuk mengenal pasti kekuatan dan jurang dalam ekosistem STI
- Untuk mengemukakan cadangan bagi memastikan Malaysia mampu mengharungi ketidaktentuan global

SO2020 menekankan pendekatan ekosistem yang akan mengenal pasti jurang dan kekuatan ekosistem STI Malaysia menerusi model Pemboleh 8i. Sebuah ekosistem digambarkan sebagai pemboleh utama yang saling berinteraksi dalam persekitaran tertentu yang akan mewujudkan nilai bagi masyarakat. Laporan ini akan mengemukakan cadangan yang menyeluruh untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara maju dan progresif menjelang 2030.

Persediaan bagi SO2020 bermula pada suku akhir 2019 dan ianya giat berjalan sepanjang tahun 2020. Kajian ini dirangka untuk dijalankan berdasarkan data kuantitatif dan kualitatif. Pandemik COVID-19 menyebabkan kebanyakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dilakukan secara fizikal dan juga secara maya. Sebanyak 50 sesi libat urus dijalankan pada tahun 2020, dengan lebih daripada 31 mesyuarat (jawatankuasa pemandu dan perbincangan kumpulan kerja), lima bengkel (dua penyelarasan dan tiga latihan penggabungan data) dan 14 sesi wawancara. Kaji selidik melibatkan 1,000 peserta juga dijalankan untuk mendapatkan pandangan mengenai kesan STI dari perspektif syarikat dan individu.

Pengerusi:
Profesor Dato' Ir Dr Mohd Saleh Jaafar FASc

Naib Pengerusi:
Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman FASc

Pengerusi, *Societal Impact Pillar*:
Profesor Dr Rofina Yasmin Othman FASc

Pengerusi, *Environmental Impact Pillar*:
Dr Helen Nair FASc

Pengerusi, *Economic Impact Pillar*:
Profesor Dr Mahendhiran Sanggaran Nair FASc

Tempoh Kajian: 21 Bulan

Imbas Kod QR untuk baca edisi sebelum ini.



Model Pemboleh 8i

SCIENCE OUTLOOK



Getah Asli - Komoditi Dunia

Getah asli adalah komoditi dunia yang penting dalam pembuatan ribuan produk, termasuk tayar, sarung tangan perubatan, bearing dan fender. Walaupun Malaysia pernah menjadi pengeluar dan pengeksport utama getah asli dunia, kini kita jatuh di tempat ke-7.

Walaupun keluasan ladang getah Malaysia adalah hampir 1 juta hektar, pengeluaran getah sekarang tidak mencapai 700,000 tan kerana beberapa faktor utama, termasuklah harga getah yang rendah, pekebun kecil yang makin tua, kos penanaman semula yang tinggi, kekurangan tenaga kerja dan penoreh getah yang terperangkap dalam golongan berpendapatan rendah.

Selain itu, industri produk getah turut menghadapi cabaran seperti produktiviti yang rendah, pembaziran, dan harga getah yang rendah dan berpanjangan. Pandemik COVID-19 turut memburukkan keadaan, membuatkan industri ini terdedah kepada impak ekonomi.

Berikutan ini, satu Badan Bertindak telah ditubuhkan untuk mengkaji status dan cabaran industri getah asli Malaysia dan mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memulihkan sektor ekonomi utama ini. Cadangan akan diusulkan kepada pihak kerajaan untuk mengumpul input yang diperlukan bagi memastikan industri ini kekal sengit dan maju.

Pengerusi:
Academician Datuk Dr Aziz Sheikh Abdul Kadir FASc

Penubuhan:
November 2019

Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan:
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
6 Ogos 2020

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
24 Ogos 2020

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
25 Ogos 2020

FELCRA
27 Ogos 2020

FGV *Rubber*
30 September 2020

Forum/webinar:
Workshop on Natural Rubber Systems and Climate Change
23-25 Jun 2020

Webinar Maladies of Hevea
10 Ogos 2020

The Future of Natural Rubber Industry: Price and Sustainability Challenges
3 September 2020

Webinar on Strategic R&D Towards Sustainable Natural Rubber Industry
20 Oktober 2020

Webinar on Current Status of Rubber Leaf Disease Outbreak
4 Disember 2020

Memupuk Bakat STEM Masa Depan

Sebagai sebuah negara yang berhasrat untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi, bakat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah penting dan merupakan perkara asas bagi Malaysia untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan STI. Pendidikan memainkan peranan penting dalam memupuk bakat STEM melalui sesi pembelajaran secara formal dan tidak formal.

Walaupun pelbagai polisi dan langkah-langkah telah dilaksanakan, setakat ini, Malaysia masih belum mencapai sasaran 60:40 target pelajar aliran STEM dan bukan STEM di peringkat sekolah menengah dan universiti. Berdasarkan data KPM 2020, pendaftaran pelajar dalam bidang STEM yang merangkumi aliran sains, teknikal dan vokasional masih di bawah sasaran 60:40, iaitu 43.7% untuk STEM dan 56.3% untuk bukan STEM, bagi tahun 2019. Hanya beberapa polisi dan pelan tindakan telah dilaksanakan secara berkesan. Dari tahun 1967 hingga kini, kita masih belum melihat peningkatan yang signifikan terhadap prestasi pelajar dalam bidang STEM.

Jawatankuasa Pendidikan Sains ASM terdiri daripada pakar dari pelbagai bidang dan pemain utama dari sektor Pendidikan. Mereka telah diamanahkan untuk mengenal pasti jurang dan kelemahan serta merangka pendekatan transformatif dan cadangan untuk menambahbaik Pendidikan STEM di Malaysia. Satu kertas posisi akan disediakan dan dibentangkan kepada pihak berkepentingan yang relevan.

Pelbagai input telah diterima melalui beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan pendidikan STEM, termasuklah:
1. Kementerian Pendidikan
2. *National STEM Association*
3. YSN-ASM
4. *National Science Centre*
5. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)
6. Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN)
7. *Mara Junior Science College*
8. Institut Pendidikan Guru (IPG)
9. Planetarium Negara
10. Petrosains SDN BHD

Pengerusi:
Profesor Dr Ahmad Ismail FASc

Penubuhan:
Disember 2019



SPECIAL INTEREST GROUP (SIG)

SIG diterajui oleh pakar yang proaktif dalam merapatkan jurang antara penjana dan pengguna pengetahuan bagi merangka tindakan tranformatif dan kolaborasi agar Malaysia terus maju ke hadapan.

SIG on Precision Biodiversity

Pandemik COVID-19 telah membuktikan bahawa manusia senang terdedah oleh impak perubahan oleh ekosistem, alam sekitar, dan biodiversiti. Ia juga menunjukkan kegagalan kita dalam menguruskan zoonotik dan usaha memelihara biodiversiti. Malaysia dinobatkan negara ke-12 terkaya dengan biodiversiti di dunia. Walaubagaimanapun, Malaysia mencatatkan status biodiversiti yang sangat teruk. Penggunaan Jejak Ekologi (*Ecological Footprint Consumption*) adalah di antara 3.5 – 5.25 global hektar yang jauh lagi teruk dari negara-negara Asia Tenggara yang lain.

Justeru, SIG on Precision Biodiversity telah merangka *Precision Biodiversity* (PBD), pendekatan generasi seterusnya untuk memelihara, memulihara dan mengurus sumber biodiversiti di Malaysia. PBD menggunakan platform teknologi canggih untuk melindungi planet serta pulangan sosio-ekonomi. Pemacu utama bagi pendekatan ini adalah kemajuan dalam:

- **Teknologi pengkomputeran dan telekomunikasi** seperti Kecerdasan Buatan (AI), Pembelajaran Mesin (ML), robotik, dron, Internet Kebendaan (IoT)
- **Bioteknologi** seperti pengklonan, omik, penyuntingan gen dan biologi sintetik

Apabila dimanfaatkan dengan betul, PBD boleh mengurangkan ketidaktentuan dalam mengurus sumber semula jadi. Ia juga boleh membantu untuk memastikan penggunaan yang optimum bagi keuntungan, kelestarian, dan perlindungan alam sekitar.

Kertas posisi ini mengusulkan cadangan yang menyeluruh seperti berikut:

1. Mengarusperdanakan PBD dan pemuliharaan melalui pendekatan kerajaan secara menyeluruh, selari dengan semua polisi dan pelan tindakan
2. Memanfaatkan PBD melalui saluran pemeliharaan sedia ada
3. Melaksanakan perkongsian data secara terbuka dan telus mengenai isu biodiversiti melalui *MOSP* dan *i-Connect*
4. Menubuhkan pangkalan data genom strategik melalui kerjasama kerajaan – institusi akademik – industri yang akan memberi manfaat sosio-ekonomi
5. Menambahkan bilangan program kesedaran dan Pendidikan untuk memberi pengetahuan mengenai penggunaan PBD di peringkat negara
6. Menubuhkan platform kolaborasi untuk pemeliharaan dan PBD di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Wawasan Kemakmuran Bersama
7. Mebubuhkan Muzium Sejarah Alam Negara (digital/fizikal) di bawah Akta Biodiversiti
8. Menubuhkan Jawatankuasa Nasional untuk menyelaras aktiviti PBD berdasarkan Rangka Kerja 10-10 *MySTIE*

Pengerusi:
Dr Helen Nair FASc

Penubuhan:
November 2019



SIG on COVID-19

Pandemik COVID-19 telah mendatangkan impak sosio-ekonomi yang besar dan mengubah kehidupan 7.8 bilion penduduk dunia, termasuk Malaysia.

Dalam usaha untuk memberi pemahaman kepada masyarakat awam serta menyediakan informasi yang tepat mengenai pandemik ini, SIG ini telah menerbitkan 11 lembaran fakta dan penilaian pakar yang merangkumi pelbagai aspek COVID-19 seperti diagnostik, epidemiologi, ilmu terapi, dan vaksin dalam format yang mudah difahami.

Selain itu, SIG ini sedang menyediakan satu kertas posisi yang memberi analisis dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan prosedur sedia ada dalam mengurus Pandemik COVID-19.

Kertas posisi ini merangkumi aspek berikut:
1. Analisis pasca-pandemik
2. Penggunaan kecerdasan buatan dan analisis data rata untuk penyelidikan penyakit berjangkit
3. Kesediaan Malaysia dalam menangani wabak penyakit berjangkit

Pengerusi: Profesor Dr Rosnah Mohd Zain FASc

Penubuhan: Mac 2020

SIG on Hydrogen Economy

SIG ini telah merangka kertas posisi yang holistik dan berdasarkan bukti, memfokuskan kepada peluang dan implikasi Malaysia untuk mencuba Ekonomi Hidrogen. Kertas posisi ini telah disokong oleh mesyuarat Majlis ASM pada 3 Disember 2020.

Kertas posisi itu menekankan bahawa Malaysia perlu membina sistem Tenaga tahan iklim melalui penggunaan Ekonomi Hidrogen sebagai sumber tenaga utama. Dua bidang projek demonstrasi telah dicadangkan, iaitu projek demonstrasi untuk pengangkutan awam dan logistik sel bahan api, dan projek demonstrasi penjanaan kuasa industri dan kediaman. Platform kolaborasi yang melibatkan kerajaan, universiti dan pemain industri yang berpotensi adalah penting untuk membina ekosistem yang dinamik dengan pihak berkepentingan, di mana agensi kerajaan yang dipilih akan menerajui pembangunan Ekonomi Hidrogen di Malaysia.

Piawaian dan peraturan perlu dirangka untuk membolehkan penggunaan teknologi hidrogen dalam sistem tenaga kita. Selain itu, dana dan insentif kebangsaan adalah penting untuk menyokong fasa-fasa penggunaan ekonomi hidrogen.

Kertas posisi ini telah dibentangkan kepada NanoMalaysia Berhad, *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre* (MGTC) dan NanoVerify Sdn Bhd (NVSB) pada bulan Disember 2020. Input yang diterima akan dijadikan dasar bagi merangka *Hydrogen Economy Roadmap* yang akan ditugaskan oleh MOSTI, diterajui oleh NanoMalaysia dan ASM, di mana NVSB dan MGTC akan menjadi rakan strategik kajian ini.

Pengerusi: Profesor Dato' Ir Dr Wan Ramli Wan Daud FASc

Penubuhan: September 2019

SIG on Zoonosis



Sejak permulaan pembelajinakan haiwan 10000 tahun yang lalu, manusia telah memandang serius terhadap penyakit zoonotik. Saban tahun, penyakit ini telah menyebabkan sekurang-kurangnya 2.5 bilion kes penyakit dan 2.7 juta kematian di seluruh dunia. Di Malaysia, beberapa penyakit zoonotik telah melanda negara sebelum ini seperti Virus Nipah, Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), H5N, H1N1, H7N9 dan Virus Zika.

Oleh itu, dalam usaha untuk bersedia menangani penyakit berjangkit di masa hadapan, Malaysia perlu meningkatkan kapasiti tempatan dan memahami penularan zoonotik, ancamannya kepada kesihatan manusia dan pendekatan untuk mengurangkan impak wabak di masa hadapan.

Berikutan itu, satu kertas posisi telah dirangka untuk menangani isu zoonotik dan menyediakan cadangan strategik bagi memastikan ketahanan Malaysia dalam menangani penyakit zoonotik. Aspek utama yang akan diketengahkan adalah:
1. Pentadbiran dan penguatkuasaan
2. Faktor alam sekitar
3. Penyelidikan dan pembangunan
4. Pembangungan keupayaan dan kebolehan
5. Sistem pengurusan biokeselamatan dan biosekuriti

Pengerusi: Profesor Dato' Dr Mohd Hair Bejo FASc

Penubuhan: Julai 2020

SIG on Robotics



Robotik adalah teknologi penggerak utama yang menyokong peranti autonomi generasi baru dan artifak kognitif ke arah interasi dengan dunia yang lancar, pembangunan sosio-ekonomi, daya saing, dan kemajuan negara. Ianya mempengaruhi setiap aspek kehidupan secara positif, meningkatkan tahap kecekapan dan keselamatan, dan memberikan tahap perkhidmatan yang baik.

Pendapatan robotik global, termasuk bidang industri dan bukan industri, dianggarkan akan mencapai USD 248.5 bilion setiap tahun menjelang 2025, meningkat dari USD 48.9 bilion pada tahun 2018. Oleh itu, penting bagi pembangunan dan penggunaan robotik diberi keutamaan untuk mendorong pembangunan dan kemajuan Malaysia.

Justeru, Strategic Paper on Robotics Directions in Malaysia akan dirangka untuk menilai status semasa, mengatasi cabaran dan merapatkan jurang, serta merangka pelan strategik bagi bidang robotik di Malaysia. Laporan ini adalah penting dalam merangka *National Robotics Roadmap 2021* oleh MOSTI. Aspek yang akan diketengahkan adalah:
1. Pentadbiran dan ekosistem
2. Bakat
3. Penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, dan inovasi (R,D,C&I)
4. Penggunaan
5. Perundangan
6. Impak sosio-ekonomi

Pengerusi: Profesor Ir Dr Khairul Salleh Mohamed Sahari

Penubuhan: November 2020

SIG on Machine Learning

Special Interest Group on Machine Learning (SIGML) ditugaskan untuk menyediakan Kertas Posisi bertajuk *Setting the Science, Technology & Innovation* (STI) Agenda for *Homegrown Artificial Intelligence* (AI) *Solutions for Common Good*. Kertas posisi ini menekankan kepentingan peranan AI dalam pembangunan Malaysia dan mengemukakan cadangan strategik dan polisi utama bagi mempercepatkan penggunaannya. Inisiatif yang meluas dan dipercepatkan amatlah penting memandangkan impak AI yang makin meluas dalam masyarakat kontemporari.

Kepakaran sedia ada dalam institusi akademik tempatan, komuniti penyelidik dan industri perlu dimanfaatkan untuk pembangunan dan penyelidikan bagi bidang sains dan teknologi dalam usaha untuk menghasilkan inovasi keluaran tempatan. Cadangan berikut diusulkan bagi membina ekosistem yang diperlukan untuk menghasilkan inovasi keluaran tempatan:

1. Pelan hala tuju strategik AI yang memfokuskan kepada STI negara untuk mengubah sudut pandang Malaysia terhadap pengetahuan melalui AI untuk manfaat ekonomi dan sosial
2. Mencadangkan penubuhan Jawatankuasa AI Nasional untuk menyelaras semua projek AI bertaraf kebangsaan di bawah naungan Majlis Sains Negara
3. Memperkenalkan peranan Data Czar dan rangka kerja tadbir urus data untuk memastikan ekosistem data yang boleh meningkatkan akses kepada data awam dan swasta yang tidak sensitif bagi tujuan penciptaan nilai
4. Membina *AI Makerspace* yang akan memanfaatkan platform kolaborasi sedia ada untuk mengembangkan solusi AI tempatan dalam empat bidang fokus: (i) Bandar Pintar, (ii) Pembuatan Digital, (iii) Pertanian Kepersisan & (iv) Penjagaan Kesihatan yang Terhubung
5. Melengkapkan bakat Malaysia dengan kecekapan dan kemahiran untuk menggunakan teknologi dan aplikasi AI

Satu ekosistem diperlukan untuk memastikan penggunaan teknologi AI dan ML Berjaya. Kertas posisi ini turut mencadangkan beberapa projek rintis dalam empat bidang yang telah dikenal pasti. Empat bidang ini dipilih berdasarkan tahap ketersambungan, langkah digitalisasi sedia ada dan potensi untuk berkembang maju. Selain dari Pertanian Kepersisan, tiga bidang yang lain mempunyai asas digital yang kukuh untuk membolehkan penggunaan AI. Pemilihan bidang Pertanian Kepersisan sebagai bidang utama adalah kerana keperluan Malaysia untuk menangani jurang digital dalam sektor pertanian agar AI dan ML boleh diguna pakai bagi mengembangkan sektor ini. Dalam jangka masa pendek, empat bidang ini akan menjadi bidang yang boleh mengguna pakai teknologi AI dan ML dengan pesat.

Pengerusi:
YM Academician Tengku Datuk
Dr Mohd Azzman Shariffadeen FASc

Penubuhan:
November 2020



SIG on Blue Economy

Ekonomi Biru telah menjadi antara agenda penting bagi kebanyakan negara di dunia, selari dengan SDG 14: Kehidupan di bawah Air. Berikutan potensinya dalam pembangunan sosio-ekonomi, ekonomi biru global dianggarkan akan mencecah USD 3.0 trilion menjelang 2030.

Ekonomi Biru menawarkan nilai dan prospek ekonomi berpotensi besar untuk Malaysia.

Sebagai negara maritim dengan kawasan perairan pantai yang luas dan ekosistem marin yang kaya dengan kepelbagaian bio, dengan 70% penduduk tinggal di sepanjang 4800 kilometer pinggir laut, Malaysia perlu memahami konsep Ekonomi Biru. Struktur tadbir urus yang holistik, lestari dan dilengkapi maklumat diperlukan bagi menyeimbangkan konflik antara penggunaan sumber marin, pemulihan habitat dan pembangunan kawasan. Pendekatan sebegini adalah penting bagi mengenal pasti cabaran dan mencadangkan langkah untuk memastikan pelaksanaannya.

Justeru, SIG ini telah menyiapkan *Position Paper on Blue Economy* yang akan menyediakan rangka kerja untuk pembangunan lestari bagi ekonomi marin serta sektor maritim di Malaysia.

Pengerusi:
Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi FASc

Penubuhan:
November 2019

Rakan Strategik

Roadmap for The National Agenda on Water Sector Transformation 2040

Sejak penerbitan laporan *Transforming the Water Sector: National Integrated Water Resources Management Plan: Strategies and Road Map (NIWRMP)* pada tahun 2016, Pengurusan Sumber Air Bersepadu di peringkat kebangsaan mula mendapat perhatian. Laporan tersebut merupakan hasil daripada kajian sektor air yang dijalankan oleh ASM sejak tahun 2008. Ia telah membuka peluang kepada penglibatan Felo dalam menyusun Kertas Strategi RMKe-12 Mengenai Transformasi Sektor Air dan memulakan *National Agenda on Water Sector Transformation*.



Kajian *The Development of the Road Map for the National Agenda on Water Sector Transformation 2040* (WST2040) telah ditugaskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.
Fokus kajian ini adalah untuk memastikan jaminan dan kelestarian air di seluruh negara, selari dengan sasaran global dan nasional, bagi tahun-tahun selepas 2040. Ini bermaksud bahawa bekalan air akan tersedia untuk semua, selain mentransformasikan sektor air Malaysia dari pemboleh ekonomi kepada satu sektor ekonomi yang dinamik. Transformasi tersebut akan mengubah sektor air negara yang akan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara melalui empat gelombang transformasi, yang disebut dalam empat Rancangan Malaysia dari tahun 2021 hingga 2040.



Sebagai rakan strategik, ASM telah ditugaskan untuk menilai dan menganalisis polisi semasa, menjalankan analisis strategi perbandingan / model perniagaan, mengkaji potensi industri sektor air negara, menyediakan Strategi Transformasi dan Rangka Kerja Pelaksanaan Inisiatif, mengadakan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan dan pakar, serta merangka satu pelan tindakan yang lengkap bagi *National Agenda on the Water Sector Transformation 2040* (WST2040).

Pengerusi:
Ir Dr Salmah Zakaria FASc

Tempoh Kajian:
Mei 2020 - Disember 2021

Badan Bertindak:

- ***Advocacy, Awareness Raising, Capacity Building (AACB) & Public Participatory Platform Task Force*** Pengerusi - Profesor Dato' ChM Dr Mazlin Mokhtar FASc) – Untuk menambah baik kesemua konsep IWRM di setiap peringkat dan sektor bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dalam pengurusan sumber air secara lestari
- ***Integrated Water Sector Data Center (IWSDC) Task Force*** (Pengerusi - Datuk Mohd Adnan Mohd Nor FASc) – Untuk mengkaji penubuhan Pusat Data dan R,D,C&I nasional sebagai asas bagi merancang strategi dan membuat keputusan serta sebagai pemangkin untuk mengembangkan kepakaran dan teknologi inovatif tempatan di sektor air
- ***Industrial Revolution 4.0 in the Various Water Sub-sectors (IR4.0 WS) Task Force*** (Pengerusi – Datuk Abdul Kadir Din FASc) – Untuk menilai kesediaan sektor air dalam menghadapi IR4.0 dan penggunaan teknologi pintar untuk memacu perkembangan keseluruhan sektor air
- ***Water-Food-Energy (WFE) Nexus Task Force*** (Pengerusi - Dr Mohd Hezri Adnan FASc) – Untuk menubuhkan pengurusan sumber air nasional berorientasikan Neksus Air-Makanan-Tenaga untuk memastikan kelestarian sosial dan ekonomi negara
- ***Virtual Water and Water Footprint (VW&WF) Task Force*** (Pengerusi - Profesor Dr Zulkifli Yusop FASc) – Untuk menyediakan data kuantitatif yang komprehensif mengenai keperluan dan kegunaan semasa sebagai panduan untuk mengenal pasti tahap penggunaan air di setiap peringkat sektor ekonomi
- ***Climate Change Impact and Adaptation (CCIA) Task Force*** (Pengerusi - Profesor Dr Joy Jacqueline Pereira FASc) – Untuk mengenal pasti kesediaan menghadapi kesan perubahan iklim terhadap sektor air
- ***Alternative Water Financing Task Force*** (Pengerusi - Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang FASc) – Untuk mengembangkan model perniagaan baharu bagi mendorong industri air nasional menjadi industri yang kompetitif, menarik dan menguntungkan
- ***Water as an Economic Sector (WES) Task Force*** (Pengerusi - Profesor Dr Mahendhiran Nair FASc) – Untuk meneliti pelaksanaan program strategik bagi memposisikan sektor air sebagai sektor ekonomi nasional yang baharu

Penilaian Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Penilaian Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (EQA1974) adalah projek yang ditugaskan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada bulan November 2019. Projek ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang, memberikan cadangan dan membuat pembandingan mengenai undang-undang sedia ada dengan negara lain. Selain menangani masalah-masalah yang berkaitan dalam penguatkuasaan, akses maklumat dan tadbir urus alam sekitar, pihak jawatankuasa turut mencari peruntukan untuk perubahan iklim, ekonomi pekeliling, penyertaan masyarakat dan banyak lagi.

Pihak jawatankuasa telah mencadangkan untuk mengubah pendekatan pengurusan alam sekitar semasa, dari pendekatan reaktif kepada pendekatan berdasarkan pencegahan. ASM berharap untuk membantu kementerian semasa, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), dalam mengukuhkan peraturan alam sekitar melalui perundangan yang lebih holistik.

Tempoh kajian projek ini telah dipanjangkan hingga 31 Oktober 2021. KASA telah memutuskan untuk menambahbaik EQA1974 melalui pendekatan dua fasa. Fasa pertama memfokuskan kepada kompaun dan penalti manakala fasa kedua akan memfokuskan kepada cadangan dari ASM.

Pengerusi: Academician Profesor Emeritus Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid FASc

Ahli: Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc, Profesor Dato' Dr Aishah Bidin FASc, Datuk Dr Abdul Rahim Nik FASc, Ir Dr Salmah Zakaria FASc, Profesor Dr Fredolin Tangang FASc, Profesor Dr Mohd Talib Latif FASc, Profesor Dr Zulkifli Yusop FASc, Profesor Dr Haslenda Hashim, Dato' Halimah Hassan, Dr Lulie Melling, Dr Hanim Kamaruddin, Dr Ho Wai Shin, Dr Elizabeth Philip, Dato' Dr Nadzri Yahaya
Penggubal Undang-undang Kanan: Dato' Dr Gurdial Singh Nijar

Kajian sedang berlangsung dari November 2019

Kajian Kemungkinan Akta Pencemaran

ASM telah ditugaskan oleh MOSTI (sebelum ini dikenali sebagai MESTECC) untuk menjalankan kajian mengenai *Local and Transboundary Pollution Act.*

Untuk kajian ini, bengkel libat urus bersama pihak berkepentingan telah diadakan pada 21 Januari 2020 untuk mendapatkan maklumbalas mengenai implikasi dan pelaksanaan akta yang dicadangkan dari pihak agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi masyarakat sivil (CSO), pemain industri dan institut penyelidikan.

Kajian ini telah membentangkan lima cabaran dan 14 cadangan untuk menyelesaikan isu pencemaran merentasi sempadan melalui pendekatan undang-undang. Berdasarkan penemuan, Akta Pencemaran Merentasi Sempadan perlu digubal untuk mengatur syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara. Undang-undang tersebut perlu disokong oleh pihak lain, seperti suruhanjaya pihak ketiga yang boleh mengurus permasalahan berkaitan pencemaran di peringkat ASEAN.

Laporan ini telah dihantar kepada MESTECC pada 14 Februari 2020.

Pengerusi: Profesor Dato' Ir Dr A. Bakar Jaafar FASc

Tempoh kajian: November 2019 - Februari 2020

Polisi dan Strategi Nanoteknologi Kebangsaan 2021-2030

MOSTI telah melantik ASM sebagai rakan strategik untuk menilai dan menambahbaik draf Polisi dan Strategi Nanoteknologi Kebangsaan (NNPS) 2016 untuk merangka NNPS 2021-2030. Penilaian ini akan memberi petunjuk strategik dan mengukuhkan sektor nanoteknologi negara yang akan meneraju aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi.

Kajian ini telah membuat penilaian mengenai status, cabaran dan jurang nanoteknologi semasa. Dari kajian ini, empat teras strategik, 15 strategi dan 32 inisiatif telah diusulkan untuk NNPS 2021-2030.

Selain itu, ASM turut mengusulkan tiga lonjakan dan inisiatif berimpak tinggi yang akan mengutamakan perkembangan dan pelaksanaan lima nanoteknologi memuncul dari kajian ESET dan *Foresight* ASM.

Pengerusi: Profesor Dato' Ir Dr Abdul Rahman Mohamed FASc

Pengerusi bersama: Profesor Dr Zainovia Lockman

Tempoh kajian: Julai 2020 – Oktober 2021

Pengukuhan Tadbir Urus untuk Ekosistem STI yang Dinamik

Berdasarkan cadangan yang dikemukakan dalam *Malaysia Policy and Master Plan on Science, Technology & Innovation 2021-2030*, ASM meneruskan usahanya dengan penglibatan yang berterusan bersama kerajaan bagi mengukuhkan Tadbir Urus dan Ekosistem Kolaboratif STI melalui beberapa langkah seperti berikut:

a) Majlis Sains Negara
Majlis Sains Negara diaktifkan semula pada tahun 2020 dengan mesyuarat pertamanya diadakan pada 3 Februari 2020. Majlis ini merupakan badan pembuat keputusan tertinggi untuk bidang STI di negara ini dan dianggotai oleh menteri-menteri utama negara.

Dalam mesyuarat pertama tersebut, ASM telah membentangkan kertas kerja mengenai Mekanisme Penggunaan Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) Sebagai Panduan Dalam Penentuan Bidang Keutamaan dan Pengagihan Dana Penyelidikan Bagi Setiap Pemacu Sosio-ekonomi. Mesyuarat itu telah meluluskan pelaksanaan cadangan tersebut.

Pada 14 Julai 2020, semasa mesyuarat NSC kedua yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, *30 National STIE Niche Areas (2021-2025)* disokong untuk diguna pakai oleh semua kementerian yang berkaitan. Langkah ini bertujuan untuk mengubah 10 sektor sosio-ekonomi yang dikenal pasti dalam rangka kerja 10-10 *My*STIE.

Mesyuarat ini juga telah mempersetujui penubuhan satu Badan Bertindak STIE yang dianggotai oleh kementerian berkaitan. Badan ini akan mengenal pasti projek berimpak sebagai pelengkap bagi anjakan yang telah digariskan dalam *National Policy for Science, Technology and Innovation (NPSTI) 2021-2030*.

Selepas pembentangan tersebut, lebih 80 sesi libat urus bersama pihak berkepentingan telah diadakan, melibatkan pelbagai kementerian, agensi kerajaan, pemain industri, organisasi antarabangsa dan institusi pengajian tinggi bagi membentuk rangkaian kolaboratif. Sesi yang dijalankan turut bertujuan untuk memastikan bahawa pelan strategik adalah selari dengan aspirasi nasional, berdasarkan bidang keutamaan STIE negara.

Selain itu, kelebihan melabur dalam STIE juga diusulkan sebagai strategi yang akan dilaksanakan di bawah RMKe-12. Rangka kerja 10-10 *My*STIE dianjurkan untuk menjadi alat strategik bagi membangun ekosistem yang cekap dan dinamik untuk setiap sektor sosio-ekonomi.

b) Akta STI
MOSTI sedang dalam proses merangka satu Akta STI, bertepatan dengan cadangan yang diusulkan dalam NPSTI 2021-2030. Ianya bertujuan untuk mengukuhkan Tadbir Urus STI dan membentuk ekosistem STI yang kolaboratif dan dinamik. ASM bekerja rapat dengan MOSTI untuk menyediakan akta ini. Satu Badan Bertindak ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Profesor Dato' Dr Aishah Bidin FASc.

Peruntukan undang-undang utama bagi Akta STI ini adalah seperti berikut:
a. Pelantikan & peranan Penasihat Sains Negara
b. Rangka kerja institusi
c. Penubuhan PSC bagi bidang STI
d. Peruntukan sumber
e. Perkongsian awam-swasta
f. Infrastruktur fizikal & digital
g. Etika & integriti dalam amalan STI
h. Harta intelektual (IP)
i. Pangkalan data STI & pengurusan repositori
j. Pembangunan & pengurusan bakat
k. Promosi & pembudayaan
l. Pautan & rangkaian antarabangsa

c) Penubuhan *Technology Commercialisation Accelerator* (TCA)
Satu badan bebas yang dikenali sebagai TCA telah dicadangkan untuk menerajui penyelidikan berasaskan ekonomi. TCA ini akan mengumpulkan industri, penyelidik, dan entiti pembiayaan untuk menjalankan penyelidikan berasaskan permintaan dan penghantaran berasaskan pasaran. Menjalankan tugas sebagai satu cabang pengkomersialan bagi Agensi Pengurusan Penyelidikan (RMA), ianya akan mengenal pasti mekanisme yang diperlukan (kewangan, reka bentuk, khidmat nasihat, dll) bagi produk untuk mencapai tahap yang sesuai dikomersialkan. Memfokuskan R&D yang berasaskan permintaan, penghantaran berasaskan pasaran, pembangunan bakat untuk industri dan syarikat pemula berasaskan teknologi, TCA turut memantau dan membeli laporan prestasi produk dan perkhidmatan yang dikomersialkan.

TCA akan memainkan peranan penting sebagai penghubung antara pelabur dan perniagaan dengan kerajaan dan institusi penyelidikan. ASM membentangkan satu kertas cadangan bertajuk *Forging Local Innovation Ecosystems for a High-Tech Nation through TCA* di mesyuarat pertama HTNC MOSTI yang diadakan pada 17 Disember 2020, dipengerusikan oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri MOSTI. Beberapa siri perbincangan telah diadakan untuk mengumpul input dan persetujuan dari pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuklah EPU dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

d) *Malaysia Science Endowment* (MSE)
MSE merupakan komponen penting dalam Ekosistem Kolaboratif STI untuk membolehkan pembiayaan R, D, C & I yang berterusan untuk penyelidikan asas dan gunaan, pembangunan eksperimental (pra-pengkomersialan) dan inisiatif strategik bagi kesemua bidang keutamaan negara. Ianya akan berfungsi seiring dengan RMA dan TCA untuk merapatkan jurang pengetahuan dan inovasi menerusi pelbagai pembiayaan R, D, C & I yang berterusan. Kelulusan Kabinet telah diminta pada bulan Disember 2020 untuk penjenamaan semula Kumpulan Wang Amanah Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan (KWA MSPK) MOSTI kepada MSE dan meluaskan fungsi-fungsinya. ASM dilantik sebagai agensi pelaksana.



Industri Mineral dan Nadir Bumi & Aktiviti Berkaitan

a) Majlis Mineral Negara
ASM telah menyerahkan Kertas Maklumat kepada Majlis Mineral Negara (MMN), yang berjudul *Issues of Research and Development in the Rare Earths Industry Identified Under ASM Studies.* Kertas ini merangkumi cadangan utama dari tiga penerbitan ASM:
i. *Revitalising the Rare Earth Mineral Programme in Peninsular Malaysia as a Strategic Industry (2013)*
ii. *The Blueprint on the Establishment of Rare Earth-Based Industries in Malaysia (2014)*
iii. *Sustainable Mining: Rare Earth (RE) Industries (2019)*

Kertas ini telah dibentangkan kepada YB Khairi Jamaluddin, Menteri MOSTI pada 4 Disember 2020. Pada 7 Januari 2021, satu mesyuarat persediaan MMN telah diadakan dan dua felo ASM, Academician Datuk Fateh Chand FASc dan Mr P. Loganathan FASc, telah membentangkan kertas ini kepada YB Dato' Dr Shamsul Anuar Nasarah, Menteri Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Kedua-dua mesyuarat telah mengambil maklum pandangan ASM mengenai R&D yang memainkan peranan penting dalam mentransformasikan industri mineral dan nadir bumi ke arah masa depan yang lebih lestari.

b) Input mengenai Industri Perlombongan dan Nadir Bumi

Pada Disember 2020, ASM (melalui MOSTI) telah menyediakan input untuk beberapa memorandum kepada KeTSA seperti berikut:

i. Rangka kerja Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk perlombongan nadir bumi bukan radioaktif di Malaysia
- ASM telah menekankan kepentingan merangka SOP untuk membina rantaian bekalan nadir bumi tempatan

ii. Rangka kerja untuk *Transformation of the National Mining Industry 2021-2030*
- ASM telah menegaskan kepentingan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam dalam meningkatkan pehamahaman dan penerimaan orang ramai terhadap aktiviti perlombongan

iii. Memorandum SOP untuk aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit
- ASM telah menekankan kepentingan melaksanakan peraturan yang ketat untuk memastikan amalan lestari yang boleh mengurangkan kesan negatif terhadap industri perlombongan bauksit. Cadangan ASM yang telah diterbitkan dalam laporan *Sustainable Mining: Case Study for Bauxite Mining in Pahang* (2017) telah diusulkan kepada KeTSA.

Analisis Indeks Inovasi Global (GII)

Inter-Agency Committee of Global Innovation Index (GII) Competitiveness Monitoring telah ditubuhkan pada Disember 2020 melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan sebagai rakan strategik. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menggalakkan pemantauan daya saing Malaysia dalam GII yang lebih sistematik dan berkesan bagi meningkatkan kedudukannya. Ianya selari dengan target yang telah ditetapkan dalam RMKe-12 untuk Malaysia berada di kedudukan 20 teratas GII menjelang 2025.

Buat masa sekarang, Malaysia berada di kedudukan ke 33 dari 131 negara. Malaysia telah menunjukkan peningkatan dari tahun berikutnya (kedudukan ke 35 dari 129 negara). Namun, skor Malaysia telah jatuh, dari 42.68 (2019) kepada 42.42 (2020).

ASM telah dilantik untuk mempengerusikan *Working Group Committee (Human Capital and Research Cluster).* Profesor Dr Yvonne Lim Ai Lian FASc dan Profesor Dr Mohd Basyaruddin Abdul Rahman FASc masing-masing telah ditugaskan sebagai Pengerusi dan Ahli Kumpulan Kerja. ASM telah membentangkan analisis mendalam mengenai GII kepada Jawatankuasa mengenai prestasi Malaysia berbanding negara berprestasi tinggi dan negara ASEAN yang lain, bidang yang boleh ditambah baik, dan perancangan masa hadapan. Pendekatan kolaboratif dan inovatif di antara semua pihak berkepentingan diperlukan bagi memastikan data dikemas kini tepat pada masanya dan merangka strategi untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam indeks tersebut.



Jawatankuasa Perikatan Penyelidikan Pengurangan Risiko Bencana (DRR)

Pada 15 Oktober 2020, Jawatankuasa Perikatan Penyelidikan Pengurangan Risiko Bencana (DRR) ASM yang dipengerusikan oleh Profesor Dr Joy Jacqueline Pereira FASc, dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), *United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNDRR), Asia-Pacific Science, Technology and Academia Advisory Group (APSTAAG*), dan rakan strategik lain telah menganjurkan *Virtual 2020 Asia Pacific Science and Technology Conference for Disaster Risk Reduction (APSTCDRR).*

Dalam APSTCDRR 2020 ini, para pegawai dan penyelidik dalam bidang pengurangan risiko bencana telah mempertimbangkan cabaran utama yang dihadapi di rantau ini. Persidangan ini telah disertai oleh lebih daripada 200 peserta berdaftar dan 1,700 penonton dalam talian.

APSTCDRR 2020 memberi peluang kepada komuniti sains, teknologi, dan akademik di Asia dan Pasifik untuk meneruskan sesi dialog berkaitan sains dan polisi bagi memastikan bahawa langkah-langkah DRR berpandukan kepada STI. Persidangan ini dikenali sebagai satu persidangan yang bersifat inklusif, terutama untuk negara-negara kepulauan Pasifik dan semua sektor serta pihak berkepentingan. Selain bertindak sebagai platform untuk pegawai kanan dan pakar terkemuka, persidangan ini turut menampilkan sumbangan saintis muda dan belia, terutama anggota perikatan serantau, U-Inspire, yang menyertai sesi teknikal dan pentas pemuda (*youth stage*).

Hasil dari persidangan ini akan dibawa ke *Asia-Pacific Ministerial Conference on Disaster Risk Reduction* yang akan datang. Persidangan tersebut akan dihoskan oleh Kerajaan Australia dan akan diadakan oleh UNDRR pada tahun 2021.



Penilaian/ Maklum Balas Mengenai Polisi / Pelan / Kertas Kabinet

Poin Utama untuk Penyelesaian STI dan Pengantara bagi Kerajaan
ASM, dalam menjalankan peranannya sebagai Peneraju Pemikir dalam STI untuk negara, telah memenuhi komitmennya melalui pelbagai platform untuk menyediakan penyelesaian dan cadangan berdasarkan bukti kepada kerajaan.

ASM reviews and feedback were also provided as follows (non-exhaustive):

No.	Pelan / Polisi	Pihak berkepentingan luar
1.	*ASM Inputs for the New Industrial Master Plan (NIMP) 2021-2030*	MITI
2.	*ASM Inputs for the Formulation of EE Roadmap*	MITI
3.	Kertas Pertimbangan ASM untuk *National Science Council 1.2020, 3 February 2020* bertajuk Cabaran yang Dihadapi oleh Sektor Industri Berteknologi Tinggi di Malaysia dan Mekanisma Penggunaan Rangka Kerja 10-10 Sains, Tecknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) Sebagai Panduan Bidang Keutamaan dan Pengagihan Dana Penyelidikan Bagi Setiap Pemacu Sosioekonomi	MESTECC
4.	*ASM Inputs for 12th Malaysia Plan*	MEA, KKMM, MOH, MITI, MOHE, MESTECC
5.	Penyediaan Kertas Kerja Hala Tuju Industri Bioekonomi Negara	MOSTI
6.	Maklumbalas Pelan Pemulihan Ekonomi Pasca COVID-19	MOSTI
7.	*Proposal on the Development of COVID-19 Index*	MOSTI
8.	Semakan & Ulasan Terhadap Terma Rujukan Kajian Impak Dasar Bioteknologi Negara (DBN 2005-2020)	MOSTI
9.	*Proposal to develop Malaysia Advanced Materials Roadmap 2030*	MOSTI
10.	Kertas Pertimbangan ASM untuk *National Science Council 2.2020, 14 July 2020* bertajuk Bidang Keutamaan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) Nasional (2021-2025)	MOSTI
11.	Maklumbalas *Technology Commercialisation Accelerator*	MOSTI
12.	*Inputs to develop Research, Development, Commercialisation, and Innovation (R,D,C&I) Roadmap – October 2020*	MOSTI
13.	Maklumbalas Sesi Libat Urus RMKe12 dengan YB Menteri MOSTI	MOSTI
14.	Maklumbalas Cadangan Pembentangan Rangka Kerja 10-10 MySTIE & Bidang Keutamaan STIE Nasional Sebagai Input ke arah merancang Perlaksanaan Platform di bawah Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills*	MOSTI
15.	Kertas Pertimbangan ASM untuk *High Tech Nation Council 1.2020, 17 December* 2020 bertajuk *Forging Local Innovation Ecosystems for A High-Tech Nation through Technology Commercialisation Accelerator* dan Kertas Pertimbangan MOH bertajuk *Precision Medicine, Digital Health & Clinical Trials Hub (based on ASM Special Interest Group on Precision Medicine - Position Paper on Precision Medicine Initiatives for Malaysia)*	MOSTI
16.	Maklumbalas Lanskap STI untuk MJM Kebenaran Penggubalan Akta STI	MOSTI

Budaya Kecemerlangan Sains

Analisis Impak *National Science Challenge* (NSC)

ASM telah menganjurkan NSC sejak 20 tahun yang lalu (1999 hingga 2018). Dari November 2019 hingga April 2020, satu Kajian Analisis Impak mengenai NSC telah dijalankan dengan objektif untuk menilai impak pertandingan ini (dari tahun 2008 hingga 2018) bagi menambah baik pelaksanaan NSC di masa hadapan.

Kajian Analisis Impak menunjukkan bahawa NSC memainkan peranan penting dalam mengembangkan minat pelajar terhadap STEM dan meningkatkan kemahiran insaniah mereka, seperti komunikasi, kerja berpasukan, pemikiran kritis, kreativiti, penyelesaian masalah dan pengurusan masa. NSC juga menjadi titik tolak kepada para pelajar untuk melanjutkan pelajaran dan kerjaya dalam bidang yang berkaitan dengan STEM, selain memberi peluang kepada pelajar untuk membina rangkaian dalam kalangan rakan sebaya dan pakar.

Pengerusi: Profesor Madya Dr Noor Syamilah Zakaria - Universiti Putra Malaysia (UPM)

- 175 responden termasuk peserta NSC, semifinalis, dan calon peserta NSC terlibat dalam kajian ini:
  - 135 responden terlibat dalam tinjauan dalam talian
  - 40 responden terlibat dalam perbincangan kumpulan fokus

- NSC meningkatkan kecenderungan pelajar untuk melanjutkan pelajaran dan kerjaya dalam bidang STEM:
  - 90% responden bersetuju bahawa pertandingan ini memupuk minat mereka terhadap STEM
  - 88% responden bersetuju bahawa NSC telah meningkatkan minat mereka untuk meneruskan pendidikan dan kerjaya dalam bidang STEM
  - 93% responden kini sedang belajar dan bekerja dalam bidang berkaitan STEM

Virtual National Science Challenge (VNSC)

Selaras dengan norma baharu, NSC kembali dalam format pertandingan maya pada tahun 2020. Berlangsung dari 25 Ogos hingga 9 November 2020, VNSC diiktiraf sebagai salah satu Program Khas Minggu Sains Negara. Tema VNSC tahun ini adalah *Towards a Pandemic Resilient Community Through Science*.

Sejumlah 1,027 pasukan telah mengambil bahagian dalam Pusingan Awal sebelum tiga pasukan teratas dari setiap negeri layak ke pusingan kedua: pertandingan video. Di antara 47 pasukan yang mengambil bahagian di Pusingan Kedua, enam pasukan telah dipilih oleh hakim untuk bertanding di Pusingan Akhir pada 9 November 2020.

Selepas persaingan sengit di Pusingan Akhir, SMK Jit Sin Pulau Pinang telah Berjaya merangkul gelaran Juara VNSC 2020. Pemenang masing-masing membawa pulang Piala Perdana Menteri, Anugerah Pendidikan ASM-VNSC bernilai RM6,000, komputer riba, dan sijil pencapaian. YB Khairi Jamaluddin telah merasmikan pertandingan maya ini sebelum mengumumkan nama pemenang.

Imbas Kod QR untuk menonton video VNSC



Juara
SMJK Jit Sin, Pulau Pinang



Tempat Kedua
Pusat GENIUS@Pintar Negara, Selangor



Tempat Ketiga
SMK Mat Salleh Ranau, Sabah



Tempat Keempat
SM Sri Cempaka Cheras, Selangor



Tempat Kelima
MRSM Kuala Berang, Terengganu



Tempat Keenam
SMK King George V, Negeri Sembilan

MAKLUMAT PESERTA:

3,093 pelajar **42%** Lelaki **58%** Perempuan



Johor
384



Kedah
171



Kelantan
57



Perak
192



Negeri Sembilan
57



Pahang
153



Pulau Pinang
156



Melaka
249



Perlis
36



Selangor
537



Terengganu
168



Sabah
210



Sarawak
432



W.P Kuala Lumpur
192



W.P Labuan
30



W.P Putrajaya
69

Malaysian Code of Responsible Conduct in Research

Malaysian Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR) adalah satu kod etika kebangsaan dalam penyelidikan untuk meningkatkan daya saing Malaysia dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Objektif kod etika ini juga adalah untuk mempromosikan pelaksanaan dasar dan strategi yang cekap melalui ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam penyelidikan.

Sepanjang tiga tahun pelaksanaannya, MCRCR telah dikemaskini berdasarkan komen dan input dari pelbagai pihak. Justeru, edisi kedua MCRCR yang telah ditambah baik telah diterbitkan pada tahun 2020. Edisi kedua ini telah diedarkan oleh MOSTI kepada Kabinet untuk menjadi rujukan utama dalam penyelidikan dan pembangunan negara.

Jawatankuasa Integriti Penyelidikan yang dipengerusikan oleh Akademician Profesor Emeritus Dato' Dr Khalid Yusoff FASc telah diangkat menjadi *National Committee on Research Integrity*. Tindakan ini membenarkan jawatankuasa tersebut untuk tampil di peringkat kebangsaan bagi merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif MCRCR serta memberikan nasihat dan latihan.



Imbas Kod QR untuk baca Edisi Kedua MCRCR

ANUGERAH & GERAN

Anugerah dan geran adalah penting untuk memberi motivasi kepada para penyelidik dalam mengembangkan idea, membuat penemuan baharu dan menyediakan penyelesaian masalah untuk masyarakat melalui pendekatan inovatif dan praktikal. ASM memanfaatkan kepakaran jaringan pakarnya untuk menjalankan proses pemilihan dan memberikan penilaian dan cadangan yang berdasarkan prestasi.

Anugerah Penyelidikan Barah MAKNA

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh para saintis untuk merangka strategi pencegahan barah, memajukan teknologi pengesanan awal barah serta meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam perawatan barah. Para saintis percaya bahawa penemuan kajian mereka dapat menyelesaikan isu masyarakat. Sehubungan dengan itu, MAKNA telah memperkenalkan *MAKNA Cancer Research Award* (MCRA) yang membuka peluang kepada saintis muda negara yang berpotensi besar untuk mencari penawar barah.

Sebagai Rakan Strategik MAKNA, ASM telah menyumbang dalam proses permohonan dan pemilihan MCRA dengan menyediakan platform permohonan dalam talian melalui Sistem dan Pangkalan Data Anugerah dan Pengiktirafan ASM. Jaringan pakar ASM pula telah menyumbang kepakaran mereka dalam proses penilaian calon. MCRA diberikan kepada saintis muda Malaysia yang telah memberikan sumbangan bermanfaat dalam penyelidikan barah.

2005 - 2020

- 761 permohonan diterima
- 60 penerima anugerah setakat ini dengan jumlah geran bernilai RM 1,731,410.00
- 6 penerima telah dianugerahkan geran bernilai RM30,000 setiap seorang (2019 dan 2020)

Imbas Kod QR untuk bacaan selanjutnya

Program Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh

Semangat mendiang Dr Ranjeet Bhagwan Singh untuk memupuk penyelidikan dalam bidang bioperubatan telah mendorong beliau untuk mendedikasikan sebahagian dari kekayaannya sebagai geran penyelidikan. Penyelidikan bioperubatan juga semakin membangun demi memastikan masyarakat hidup dengan lebih sihat dan lama.

Bagi memperingati mendiang Dr Ranjeet Bhagwan Singh, sebuah program bertajuk *Paradigm Shift in Medical Research* telah dianjurkan. Program atas talian ini merangkumi Syarahan Peringatan RBS mengenai *Medical Research in a Doughnut World* yang disampaikan oleh Academician Distinguished Profesor Datuk Dr Looi Lai Meng FASc. Sebuah dialog bertajuk *Pivoting Your Research during COVID-19* dan pengumuman penerima Geran Penyelidikan RB 2019/2020 turut dianjurkan. Program tersebut mendapat maklum balas positif daripada para peserta dan menunjukkan bahawa sumbangan penting mendiang Dr Ranjeet Bhagwan Singh sangat dihargai dan tidak lapuk ditelan zaman.

Imbas Kod QR untuk bacaan selanjutnya

Newton-Ungku Omar Fund (NUOF)

Sejak tahun 2015, NUOF memberi fokus kepada pengembangan rangkaian penyelidikan dalam kalangan penyelidik pelbagai dan antara disiplin melalui integrasi pengetahuan STI yang menangani masalah sosio-ekonomi di Malaysia dan United Kingdom (UK).

Antara aktiviti NUOF termasuk:
a. Fellowship, skim mobiliti, dan pusat kerjasama bagi memantapkan komuniti sains dan inovasi Malaysia.
b. Kerjasama penyelidikan mengenai topik-topik pembangunan.
c. Rakan inovasi dan dana untuk mengembangkan penyelesaian inovatif bagi topik-topik pembangunan.

Dalam masa lima tahun sebagai rakan strategik NUOF, ASM telah bekerjasama dengan lima buah rakan strategik di UK. ASM telah bertanggungjawab dalam melaksanakan tujuh program di bawah NUOF, dengan keseluruhan berjumlah 62 projek. Pelaksanaan program-program ini telah dipantau oleh Pengerusi Jawatankuasa NUOF.

BILANGAN GERAN DAN JUMLAH DANA YANG DIANUGERAHKAN PADA 2020



RAKAN PELAKSANA . PROGRAM . PENERIMA

Mahathir Science Award (MSA) *2020*

MSA mengiktiraf penyelidikan dan sumbangan berdasarkan sains dan teknologi serta inovasi dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah di kawasan tropika. Anugerah ini diberikan kepada individu, institusi atau organisasi yang telah membuat penemuan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang:



Pertanian Tropika



Senibina dan Kejuruteraan Tropika



Perubatan Tropika



Sumber Asli Tropika

MSA 2020 terbuka untuk kategori Perubatan Tropika dan Sumber Asli Tropika. Proses penilaian dan pemilihan pemenang dilakukan oleh ASM dari 3 Februari hingga 2 Julai 2020.

Imbas Kod QR untuk bacaan selanjutnya

Pemenang MSA 2020 ialah Sir Professor Alimuddin Zumla (kategori Perubatan Tropika) di atas penyelidikannya yang luar biasa, diakui di peringkat global, penyelidikan berkaitan polisi-kesihatan, peningkatan kapasiti dan sumbangan untuk memahami epidemiologi, pathogenesis, diagnosis, rawatan, dan kawalan *Tuberculosis* (batuk kering), lain-lain jangkitan saluran pernafasan, serta patogen memuncul yang berpotensi menjadi wabak.



Pemenang MSA 2020, Sir Professor Alimuddin Zumla
Perubatan Tropika

“ Saya percaya bahawa impak terhadap masyarakat harus menjadi pendorong kepada setiap penyelidikan dan dikenali oleh rakan sebaya saya adalah satu insentif untuk terus berkecimpung dalam bidang perubatan tropika. Saya gembira kerana berpeluang memperkasakan generasi saintis seterusnya melalui YSN-ASM dan untuk berinteraksi dengan rakan-rakan saya, Felo ASM, melalui anugerah ini. ”

Memupuk Inovasi Terbuka

Malaysian Open Science Platform (MOSP)

MOSP merupakan satu inisiatif transformatif untuk mengukuhkan ekosistem penyelidikan di Malaysia dan untuk memupuk kerjasama melalui platform perkongsian data penyelidikan mentah. Projek rintis ini memfokuskan kepada elemen-elemen penting dalam menjadikan Sains Terbuka (*Open Science*) satu realiti. Elemen tersebut adalah landskap dan garis panduan sains terbuka, peningkatan keupayaan dan kesedaran serta infrastruktur. Ditubuhkan melalui ASM dan Malaysia *Open Science Alliance*, MOSP akan meneraju ekosistem penyelidikan yang "terbuka seluas mungkin, dan tertutup seperlunya".

1. *Landscape Report on Open Science in Malaysia*
MOSP telah menghasilkan satu laporan mengenai Sains Terbuka di Malaysia yang menggambarkan situasi semasa dan kesediaan negara untuk menerima sains terbuka. Laporan tersebut merangkumi perspektif penyelidik, pustakawan, dan pengurusan tertinggi universiti. Laporan ini turut menyentuh mengenai kemampuan infrastruktur Malaysia dan kedudukan Malaysia di samping negara-negara lain dalam Sains Terbuka. Kajian ini dilakukan melalui kaji selidik dan wawancara pihak berkepentingan, terutama dari universiti dan institusi penyelidikan.

2. *National Guidelines of Open Science in Public Funded Research*
Garis panduan ini dirangka bagi menerangkan cara untuk melaksanakan Sains Terbuka berdasarkan amalan terbaik antarabangsa. Garis panduan ini dirangka melalui sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dari kementerian, agensi, institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan dan lain-lain bagi mencapai sains terbuka di peringkat kebangsaan.

3. *Training of Trainers Programme on Data Stewardship for Open Science*
Dengan fokus untuk melatih seramai 200 *data stewards* menjelang akhir projek rintis ini, program latihan ini dianjurkan untuk meningkatkan kemahiran pustakawan, penyelidik, dan pengurus penyelidik untuk menjadi data stewards yang bertanggungjawab dalam menyokong integriti data penyelidikan. Siri pertama telah diadakan dari 19 September 2020 hingga 4 Januari 2021 dan berjaya melatih 56 data stewards dari lima universiti penyelidikan.

4. Open Science Forum for Asia and the Pacific
Forum ini dianjurkan pada 13 Februari 2020 untuk membincangkan dan memahami strategi dan pendekatan antarabangsa mengenai gerakan sains terbuka. Forum ini dihadiri oleh wakil negara yang mengamalkan sains terbuka seperti Afrika, Australia, Singapura dan China. Penceramah utama, Dr Ismail Seragaldin, *Emeritus Librarian of Alexandria* dan *Founding Director of Bibliotheca Alexandrina* menyampaikan ucaptama bertajuk *Open Science for Shared Prosperity in the Asia Pacific Region*. Perbincangan panel mengenai Sains Terbuka dikendalikan oleh Academician Profesor Emerita Dato' Seri Dr Mazlan Othman FASc. Perbincangan ini menyentuh tentang Sains Terbuka, cabaran dan peluang bagi menyokong gerakan ini.

Untuk memanfaatkan forum ini yang telah dianjurkan bersempena dengan mesyuarat *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) *Policy Partnership on Science, Technology and Innovation* (PPSTI), Malaysia telah mengusulkan satu kenyataan forum untuk menyokong gerakan Sains Terbuka ini. Kenyataan ini telah dibincangkan dalam forum dan telah disokong oleh komuniti APEC pada 14 Ogos 2020.

Sesi seterusnya telah meneroka tiga bidang utama sains terbuka, iaitu polisi, infrastruktur, dan pembinaan kapasiti dan kesedaran. Peserta dari Malaysia telah menyertai perbincangan ini dan menegaskan bahawa Malaysia boleh memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman dari negara lain selain dari meneroka peluang dan kelebihan pelaksanaan sains terbuka.

5. Dialogue on Open Science
Profesor Dr Barend Mons, Presiden, *Committee on Data of the International Science Council* (CODATA) dan Dr Ross Wilkinson, Bekas Pengarah Eksekutif, *Australian National Data Service* (ANDS) berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam melaksanakan prinsip FAIR bagi pengurusan data penyelidikan dan menubuhkan perkhidmatan data nasional. Sesi dialog yang diadakan pada 14 Februari 2020 telah meneroka forum Sains Terbuka secara lebih mendalam, terutamanya mengenai bagaimana Malaysia boleh berkembang maju dalam bidang sains terbuka.

6. Webinar on Citizen Science from Malaysia's Perspective
Webinar ini dianjurkan bersempena dengan *Training of Trainers program on Data Stewardship for Open Science*. Webinar ini membincangkan topik penyertaan dan kerjasama orang awam dalam penyelidikan saintifik (*citizen science*), yang merupakan salah satu elemen sains terbuka, dari perspektif Malaysia. Academician Profesor Emerita Dato' Seri Dr Mazlan Othman FASc telah menyampaikan ucaptama bertajuk *Citizen Science in Space*. Sesi ini telah dikendalikan oleh Datuk Dr Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah dari Institut Kefahaman Islam Malaysia. Ahli panel yang dijemput ialah Dr Nadine Brigitte Rupert, Cik Nadhirah Mohd Rifai dan Encik Tan Choo Eng, pakar sains biodiversiti yang berpengalaman dalam mengendalikan pelaksanaan sains terbuka di Malaysia. Sesi webinar ini telah meneroka bagaimana masyarakat boleh menyumbang kepada sains.

7. Bengkel Libat Urus dengan Pihak Berkepentingan
Bengkel pertama telah dianjurkan pada 4 Jun 2020 untuk memperkenalkan MOSP kepada pihak berkepentingan Sains Terbuka di Malaysia, termasuklah penyelidik, pengurusan tertinggi, pustakawan, agensi dan kementerian kerajaan. Bengkel ini telah berbincang mengenai bidang utama MOSP iaitu polisi dan garis panduan, pembinaan kapasiti dan kesedaran, dan infrastruktur. Bengkel ini telah mendapat pelbagai input, terutama dari perspektif penyelidik, yang merupakan pihak berkepentingan paling utama bagi MOSP. Cabaran, kemungkinan, dan permasalahan telah dikongsi dan dinilai bersama-sama.

Bengkel kedua telah diadakan khususnya untuk membincangkan mengenai garis panduan nasional sains terbuka di Malaysia. Isu utama dan sebarang permasalahan telah ditangani dalam sesi ini, selain memberi penambahbaikan dan nilai kepada garis panduan yang telah dirangka. Isu seperti keselamatan data, kelebihan kepada pihak berkepentingan dan pemilikan data telah diketengahkan dalam kedua-dua bengkel yang dianjurkan. Input ini telah dimasukkan dalam pengembangan dan penambahbaikan garis panduan.



i-Connect

i-Connect merupakan rangkaian inovasi kolaboratif yang diterajui oleh industri untuk mencipta dan memupuk ekosistem inovasi yang kondusif di Malaysia. Ekosistem yang saling berhubung ini akan meningkatkan inovasi disruptif dan akhirnya membolehkan Malaysia memanfaatkan peluang ekonomi baru agar industri negara memasuki pasaran global baru dan memuncul.

Rangkaian ini akan memperkasakan kolaborasi untuk penemuan idea baharu berdasarkan pengetahuan S&T. Idea-idea ini kemudiannya akan diterapkan secara kreatif untuk menghasilkan nilai yang seterusnya akan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang unik, membantu dalam pembahagian dan pengurangan risiko, serta memudahcara penawaran dan permintaan barang dan perkhidmatan.

Dalam rangkaian ini, empat pihak berkepentingan (industri, kerajaan, penyelidik, dan masyarakat awam) akan dihubungkan melalui entiti neutral untuk mencapai matlamat dan wawasan bersama. Oleh itu, peranan entiti neutral yang dipercayai sangat penting dalam menguruskan rangkaian yang dibayangkan. Selepas dua siri penilaian, empat entiti neutral yang dipercayai telah dipilih dan dilantik untuk menguruskan rangkaian kolaborasi di sektor industri masing-masing berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka, seperti berikut:

No.	Sektor Industri	Organisasi
1.	Pembuatan: Industri 4.0	*Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre* (CREST) & NanoMalaysia Berhad
2.	Fintech dalam Kewangan Islam	International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
3.	Penjagaan Kesihatan Digital	CREST
4.	Rantaian Bekalan Halal	*Halal Development Corporation* (HDC)

Aktiviti sepanjang 2020:
a) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu i-Connect: Lima mesyuarat
b) Sesi Penilaian & Pemilihan Entiti Neutral: Dua sesi
c) Menandatangani perjanjian dengan Tiga Entiti Neutral
d) Sesi libat urus dengan pihak berkepentingan luar:

Pembuatan: Industri 4.0	**52** Industri	**18** Penyelidik	**23** Kerajaan	**10** Masyarakat awam
Fintech dalam Kewangan Islam	**18** Industri	**10** Penyelidik	**10** Kerajaan	**12** Masyarakat awam
Penjagaan Kesihatan Digital	**39** Industri	**16** Penyelidik	**13** Kerajaan	**21** Masyarakat awam
Rantaian Bekalan Halal	**24** Industri	**10** Penyelidik	**7** Kerajaan	**12** Masyarakat awam

Angels in Science

ASM memulakan inisiatif *Angels in Science* untuk terus menambahbaik dan menyokong ekosistem inovasi Malaysia, serta menggalakkan pelaburan dan keusahawanan dalam bidang STI. Selain itu, inisiatif ini bertujuan untuk menyokong pengkomersialan penemuan STI tempatan yang bernilai tinggi dalam kalangan penyelidik, saintis, dan syarikat permula. Inisiatif ini melengkapi projek i-Connect melalui sumber pembiayaan alternatif, dan bukan hanya bergantung pada dana dari kerajaan dan industri untuk mengembangkan produk buatan sendiri. Inisiatif ini pertama kali diusulkan oleh *Science and Technology Industry Linkages Committee* (STILC), yang dipengerusikan oleh Ir Ts Choo Kok Beng FASc.

ASM bekerjasama dengan *Malaysian Business Angel Network* (MBAN) dan bersama-sama menganjurkan dua bengkel pada 25-27 November 2020 dan 8 & 9 Disember 2020. Bengkel-bengkel ini mencetuskan minat dermawan tempatan dan pelabur untuk melabur dalam syarikat permulaan berasaskan sains dan teknologi yang masih di peringkat awal. Ia turut berkongsi mengenai pengetahuan dan amalan terbaik tentang angel investment, melatih dan memperkasa penyelidik, saintis, dan syarikat permulaan mengenai teknik terbaik untuk mempromosikan produk / hasil ciptaan serta memperoleh pelaburan dari pelabur angel. Kedua-dua bengkel ini telah menarik minat 25 peserta.





Pemahaman & Kesedaran Awam Terhadap Sains

2020 ASM artscience™ ***Prize***

Sebagai penghormatan kepada gabungan seni dan sains, ASM memulakan Inisiatif ArtScience™ dengan objektif untuk mempromosikan penghargaan dan ciptaan seni yang luar biasa ke arah pembudayaan sains dalam kalangan rakyat Malaysia. Inisiatif ini juga bertujuan untuk memupuk kreativiti dalam penyatuan seni dan sains. ASM ArtScience™ Prize adalah program di bawah inisiatif ArtScience™ untuk mengiktiraf karya seni dan projek yang merangkumi falsafah ArtScience™. Inisiatif ini merupakan yang pertama ditubuhkan di Malaysia untuk meraikan komuniti artis-saintis yang baru muncul.

Sesi penilaian telah diadakan pada 28-30 September 2020 di ASM oleh enam panel juri.

65 permohonan

13 permohonan disenarai pendek

ASM Artscience™ Prize Winner

Ketua Projek: Dr Ahmad Hanif Ahmad Baharin
Institusi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Ahli Kumpulan: Mohd Nasir Baharuddin & Muhammad Hafiz Mastro
Tajuk Projek: *Digital- Tropical Breathing the Waves*
Hadiah: Wang tunai RM 20,000, Piala, Sijil & *Residency Attachment*



Digital-Tropical: Breathing the Waves

Digital-Tropical merupakan projek yang menggabungkan data analog dan aliran digital menjadi realiti beranalogi antara resonans sejarah lampau dengan gelombang teknologi semasa. Dalam karya ini, kami meneroka penggunaan pengkomputeran fizikal untuk visualisasi data. Data sejarah ketinggian gelombang lautan dari projek penyelidikan tenaga boleh diperbaharui, yang dikumpul selama dua tahun dari lokasi berhampiran Pulau Tioman, ditunjukkan dengan penggunaan lampu yang menerangi bahagian bawah rumah tropika tradisional berusia 300 tahun, Istana Puteri Bongsu di Taman Pantun UKM. Karya ini bukan sekadar pembentangan data saintifik bersifat artistik, tetapi ia merupakan seni bina tradisional Melayu dalam bentuk satu peninggalan budaya, digunakan sebagai realiti baharu. Melalui proses wacana pelbagai disiplin, *Digital-Tropical* meluaskan penjelasan saintifik mengenai sesuatu dari segi penggabungan artistik / saintifik tentang bagaimana sesuatu dapat terjadi.

RISING STAR AWARD WINNER

Pemenang: Dr Roopesh Sitharan dan Dr Mohd Hafizuddin Mohd Yusof
Institusi: *Multimedia University (MMU)*
Nama Projek: *Artificial autonomy and the question of subjectivity in AI*
Hadiah: Piala, Sijil & *Residency Attachment*

Artificial autonomy and the question of subjectivity in AI



Usaha penyelidikan ini merumuskan kemungkinan teknologi autonomi dapat mencapai subjektiviti melalui kecerdasan algoritmanya. Keupayaan pengkomputeran yang berkembang pesat sejak kebelakangan ini telah membawa kepada penciptaan kenderaan autonomi. Ini merupakan titik permulaan tarikan manusia terhadap Kecerdasan Buatan (AI) yang membawa banyak manfaat pada manusia. Hal ini juga telah menyebabkan penggunaan AI secara meluas dalam kehidupan seharian, terutama dalam urusan ekonomi dan pentadbiran sosial sehingga menjadikan AI satu komponen penting untuk pendigitalan. Boleh dikatakan, tiada domain atau disiplin yang bebas dari pengaruh AI. Namun, dari perspektif antroposentrik, terutamanya perkara berkaitan kognisi menunjukkan penyerapan tenaga fizikal dan kognitif manusia ke dalam sistem teknikalnya. Secara asasnya, AI belajar dari budaya manusia melalui analisis data, tafsiran kandungan mengikut konteks dan klasifikasi pengetahuan. Dengan kata lain, data di mana AI belajar, mengklasifikasikan, mengira, mengukur, menilai dan berkorelasi berasal dari model persepsi realiti subjektif kemanusiaan. Berdasarkan premis ini, projek ini berkisarkan objektif AI dengan mempertimbangkan data di mana AI bergantung untuk membangun autonomi merangkumi pandangan dari dunia manusia.

ASM ARTSCIENCE™ PRIZE TROPHY DESIGN COMPETITION
Pertandingan ini dianjurkan untuk mencari reka bentuk piala terbaik yang akan dianugerahkan kepada penerima ASM *ArtScience™ Prize*. Pemenang pertandingan ini akan bekerjasama dengan Rakan Strategik Inisiatif *ArtScience™, ForceMaker Division of Nazca Scientific* Sdn Bhd untuk pembuatan piala.

8 rekaan piala diterima

3 rekaan terbaik dipilih

Program Libat Urus
Program ini bertujuan untuk menggabungkan profesional, artis/karyawan dan saintis untuk mempromosikan falsafah penyatuan antara seni dan sains. Aktiviti yang dijalankan di bawah program ini membolehkan para peserta berkomunikasi dengan pakar.

ArtScience™ Webinar for All
Webinar ini dianjurkan bersempena dengan Minggu Sains Negara 2020 dan berlangsung pada 9 Jun 2020 dan dikendalikan oleh Academician Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor FASc, salah seorang ahli *Task Force on ASM ArtScience™ Initiative*.

Tetamu jemputan bagi webinar ini ialah Dr Roslina Ismail, Timbalan Pengarah (Pascasiswazah dan Penyelidikan), Pusat Kebudayaan Universiti Malaya (UM) dan Dr Mohammad Kamal Sabran, seorang pensyarah dari Universiti Sains Malaysia (USM). Webinar ini telah menarik 100 peserta berdaftar dan 1200 penonton.



Poster webinar ASM *ArtScience™ for All*

Wawancara dalam rancangan *Fresh Brew@RTM2*
Sesi wawancara ini telah diadakan pada 31 Mei 2020, bertujuan untuk mempromosikan inisiatif *ArtScience™* kepada orang ramai. Academician Profesor Emerita Dato' Seri Dr Mazlan Othman FASc dan Puan Wan Zaleha Radzi telah dijemput untuk memberi pengenalan mengenai program di bawah inisiatif *ArtScience™* iaitu *ArtScience™ Prize*.



Wawancara dalam rancangan *Fresh Brew@RTM2* pada 31 Mei 2020



Webinar *ASM ArtScience™ for All* pada 9 Jun 2020

FAScinate

Open Minds, Spark Ideas

Kembali untuk tahun kedua, FAScinate terus menarik minat penonton mengenai kemajuan terkini sains dan teknologi. Melalui FAScinate, saintis terkemuka negara telah mencetuskan inspirasi melalui perkongsian pengalaman dan perjalanan kerjaya mereka. Program ini turut disenaraikan sebagai salah satu program Minggu Sains Negara. Ianya berjaya menarik perhatian orang ramai dengan jumlah tontonan dan penglibatan penonton yang tinggi menerusi siaran langsung di Facebook dan Zoom Live.

Siri FAScinate bagi tahun 2020 menampilkan tujuh Felo dari pelbagai bidang disiplin yang berkongsi pengetahuan mereka secara maya, dalam dua sesi berlainan:

FAScinate Kedua
30 Jun 2020



Straightening the Nose to the Sinus: A One Team Surgical Approach
Profesor Dato' Dr Balwant Singh Gendeh FASc
Sejak tahun 1991, gabungan pembedahan rinoplasti dan endoskopi sinus (ESS) telah memberi banyak manfaat dengan komplikasi yang minimum.



My God, Your Gum Bleeds
Emeritus Profesor Dato' Dr Hashim Yaacob FASc
Pendarahan gusi adalah satu situasi normal yang dapat dicegah. Bak kata pepatah, mencegah lebih baik daripada mengubati.



A Brighter Path for Solar Cell
Profesor Dr Zainal Abidin Talib FASc
Berdasarkan sains bahan, sintesis bahan fotovoltan adalah bidang penyelidikan yang sedang berkembang pesat.



STEM and Competencies for the 21st Century
Profesor Dr Lee Sze Wei FASc
Dalam usaha untuk menjadi sebuah negara maju, kecekapan STEM adalah penting untuk untuk pembangunan sosio-ekonomi Malaysia yang lestari.

FAScinate Ketiga
3 November 2020



Reimagining Ageing: Debunking Myths and Stereotypes
Profesor Dato' Dr Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid FASc
Malaysia dijangka akan memiliki populasi warga tua yang lebih tinggi menjelang tahun 2050. Mitos dan stereotaip mengenai penuaan masih menjadi kebimbangan masyarakat kita. Sesi ini merungkaikan stereotaip dan mitos tersebut.



Amazing Mushrooms - Nature's Gift
Profesor Dr Vikineswary Sabaratnam FASc
Cendawan merupakan salah satu keajaiban semula jadi, yang dijadikan makanan sejak seribu tahun yang lalu. Ia bermanfaat untuk manusia dari segi kesihatan dan biopemulihan.



What a Waste!
Profesor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman FASc
Di sebalik pengurusan sisa dalam kehidupan seharian, ada falsafah yang lebih bermakna –buat keputusan sebelum terlambat.

6,500 tontonan di *Facebook live*

7 Felo

Tonton video FAScinate di saluran YouTube ASM

Minggu Sains Negara

The Magic of Science merupakan tema yang dipilih untuk tahun ketiga Minggu Sains Negara (MSN). Program ini telah dianjurkan dari April hingga November 2020 secara maya berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara. ASM telah dilantik sebagai Agensi Utama untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bersama-sama Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara.

ASM juga bekerjasama dengan rakan strategik lain seperti Merck Sdn Bhd dan *British High Commission* Kuala Lumpur dalam mengatur program yang dianjurkan. Walaupun terdapat kekangan, MSN KL tetap berjaya mencapai penyertaan dan penglibatan yang tinggi dari orang ramai. Objektif program untuk membudayakan sains masih dapat dicapai walaupun tanpa program fizikal seperti tahun-tahun sebelumnya. Kejayaan VNSC sebagai salah satu program khas MSN 2020 telah menggalakkan lagi usaha untuk meneruskan agenda memupuk lebih ramai bakat STEM negara.

21 program

158, 622 tontonan

6,850 peserta

11 sesi *Science Café*

3 Pusingan VNSC

2 sesi *FAScinate™*

2 program *Artscience™*

2 siri *YSN-ASM Merck Back to Lab*

1 sesi *IdeaXchange™*

2 kerjasama dengan *British High Commission* Kuala Lumpur

2 Kembara *STIE MOSTI at Rembau*











The Future Belongs to The Tropics

Siri Webinar *TropSc:*
Mahathir Science Award Foundation (MSAF), ASM dan *International Science Council Regional Office for Asia and the Pacific (ISC ROAP)* telah bersama-sama menganjurkan tujuh Webinar TropSc bertemakan *The Future Belongs to the Tropics*. Penganjuran webinar ini bertujuan untuk meningkatkan keterlihatan, menggalakkan penyertaan dan mempromosikan *International Conference on Tropical Sciences* (TropSc) 2021.



International Day of the Tropics
International Day of the Tropics diraikan pada 29 Jun 2020 untuk memperingati kejayaan terdahulu dan semasa, serta merangsang pemikiran mengenai peranan Malaysia sebagai pemimpin. Webinar ini telah mengetengahkan empat tema MSA iaitu Pertanian Tropika, Sumber Asli Tropika, Perubatan Tropika dan Senibina dan Kejuruteraan Tropika. Ia turut menampilkan perbincangan mengenai visi bagi *Federated Data Platform for Tropical Biodiversity* dan Kuala Lumpur *Declarations for the Tropics*. Seramai 423 peserta dari seluruh dunia telah menyertai webinar ini.



International Day of the Conservation of the Mangrove Ecosystem
Bakau meliputi sekitar 15 juta hektar di seluruh dunia, di mana 95% daripadanya berada di kawasan tropika. Ekosistem luar biasa ini menyumbang kepada kesejahteraan, jaminan bekalan makanan, dan memberi perlindungan kepada komuniti yang menetap di pesisir pantai di seluruh dunia. Bersempena dengan *International Day of the Conservation of the Mangrove Ecosystem*, satu webinar bertemakan *People and Mangroves* telah diadakan pada 28 Julai 2020 untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai penemuan saintifik terkini dan usaha pemuliharaan bakau. Tiga wakil dari komuniti setempat yang bergantung pada bakau sebagai mata pencarian berkongsi pengalaman mereka dalam webinar yang telah menarik 239 peserta dari 31 negara ini.



Engineering for Sustainability: Water and Energy in the Tropics
Kawasan tropika kaya dengan sumber semula jadi yang boleh memberi manfaat kepada penduduk setempat. Kewujudan sungai dan tanah pertanian yang bergantung kepada hujan di kawasan tropika membenarkan kebanyakan sektor tenaga boleh diperbaharui untuk terus berkembang. Mengakui hal ini, webinar bertema *Engineering for Sustainability: Water and Energy in the Tropics* telah dianjurkan pada 22 September 2020. Felo ASM dari Disiplin Kejuruteraan meneroka bagaimana tenaga dan air di kawasan tropika dapat disediakan dan dikendalikan secara lestari.

Webinar kali ini menekankan kepentingan penegasan dalam mencegah krisis dan pencemaran air, merangka dasar nasional yang menggalakkan kolaborasi antara industri-akademik untuk pengurangan CO2, menilai kesesuaian tenaga hijau di kawasan tropika dan menganalisis nisbah kos dan manfaat dalam melaksanakan pembaharuan secara besar-besaran. Lebih 100 peserta dari seluruh dunia telah menyertai webinar ini.



International Youth Day
Sempena Hari Belia Antarabangsa, dua webinar bertemakan *Youth for the Tropics* telah dianjurkan pada 12 dan 13 Ogos 2020. Webinar ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada para belia di kawasan tropika mengenai isu-isu penting bagi para belia dan meraikan mereka dengan sumbangan melalui sains, penglibatan dasar dan keusahawanan sosial dalam menyelesaikan isu-isu tropika. Webinar bertarikh 12 Ogos membincangkan bagaimana golongan belia boleh menyumbang kepada tropika khususnya bagi isu perubahan iklim, dan memanfaatkan dan melindungi sumber semula jadi. Webinar pada 13 Ogos pula memberi tumpuan kepada keusahawanan sosial untuk membina komuniti yang berdaya tahan terhadap bencana dan perubahan iklim. Webinar ini telah menarik 398 peserta dari 30 negara.



International Coffee Day
Bersempena Hari Kopi Sedunia, satu webinar bertemakan *Black Gold of the Tropics* telah dianjurkan pada 1 Oktober 2020. Webinar ini meraikan biji kopi sebagai satu komoditi dagangan utama bagi kawasan tropika dan kesusahan yang dihadapi penanam biji kopi. Selain penonton secara langsung, 76 peserta dari 14 negara telah menyertai webinar ini secara maya.



World Cities Day
Menjelang 2050, populasi bandar akan bertambah sekitar 2.5 bilion penduduk, dengan hampir 90% kenaikan berlaku di kawasan tropika Asia dan Afrika. Bandar-bandar di kawasan tropika ini akan meneraju wacana global mengenai pembandaran di masa hadapan. Pada 4 November 2020, satu webinar dengan tema *The Soul of the City* dianjurkan bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia bagi meneroka pelbagai elemen yang membentuk "jiwa" bagi bandar-bandar di kawasan tropika. Lebih dari 150 peserta dari 12 negara telah menyertai webinar ini.



International Mountain Day
Satu webinar mengenai *Mountains and Life* telah dianjurkan pada 11 Disember 2020 bersempena *International Mountain Day* untuk membincangkan bagaimana pergunungan boleh membantu kehidupan di kawasan tropika. Webinar ini telah disertai oleh peserta dari 14 negara.

ASM Northern Chapter

Ditubuhkan pada tahun 2011, *ASM Northern Chapter* adalah satu platform untuk Jaringan Pakar ASM meningkatkan keterlihatan ASM di Wilayah Utara.

ASM Northern Chapter bekerjasama dengan *National Innovation Hub (NIH)* dan USM dalam menganjurkan dua siri webinar mengenai R,D,C&I. Siri ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada program NIH untuk mendorong kerjasama strategik ke arah mengembangkan ekosistem inovasi yang mampan dalam kalangan Jaringan Pakar ASM, institusi pendidikan peringkat tinggi, sekolah, industri, perusahaan kecil sederhana (PKS), agensi kerajaan dan sektor korporat.

Webinar bertarikh 18 Jun 2020 telah berjaya mendidik 163 peserta mengenai IP serta kepentingannya dalam R,D,C&I. Webinar seterusnya yang diadakan pada 18 November 2020 telah membentangkan strategi untuk memadankan dan menghubungkan penyelidikan di universiti dengan industri dan masyarakat untuk meningkatkan kadar pengkomersialan. Sekitar 100 peserta telah menyertai webinar ini.



e-estidotmy

Nafas Baru Satu Khazanah

Pada tahun 2002, majalah sains pertama, estidotmy, telah diperkenalkan kepada masyarakat awam. estidotmy merupakan satu inisiatif oleh ASM untuk menanam minat terhadap sains, terutama untuk generasi muda, dan mempromosikan STI kepada masyarakat. Penerbitan majalah tersebut secara khususnya ditujukan untuk pelajar sekolah. Oleh itu, bahasa yang mudah difahami dan pengisian yang santai digunakan, sesuai untuk orang ramai.

Sepanjang penerbitannya dari tahun 2002 hingga 2012, estidotmy telah diterbitkan sebagai sisipan dalam Utusan Malaysia. Lebih dari 100 isu dengan pelbagai tema telah dihasilkan. Dibiayai dan diterbitkan oleh MOSTI, ASM telah berkhidmat sebagai penyedia kandungan bagi majalah sains ini. Penerbitannya telah menjadi rujukan utama para guru dalam memberikan pengetahuan saintifik kepada para pelajar. Namun, kerana kekangan belanjawan, penerbitan estidotmy telah dihentikan pada 2012.

Ketika Malaysia dilanda wabak COVID-19, aktiviti ekonomi dan pendidikan negara terjejas dengan teruk. Penutupan sekolah yang berpanjangan telah mengganggu proses pembelajaran. Namun, digitalisasi telah membantu orang ramai untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu dalam setiap aspek kehidupan, termasuk pendidikan. Untuk menyokong kemajuan tersebut, ASM memulakan inisiatif untuk menghidupkan kembali estidotmy melalui platform digital bagi memastikan pengetahuan sains, teknologi, dan inovasi akan terus disampaikan kepada orang ramai. Dijelmakan kembali sebagai estidotmy, inisiatif ini merupakan kerjasama antara YSN-ASM dan *Science Media Center* (SMC) Malaysia.

Imbas Kod QR untuk ke laman web e-estidotmy



“Science isn’t finished until it’s communicated”

Mark Walport







Komunikasi Sains

Unit

Komunikasi Sains

Komunikasi Sains bekerjasama dengan jaringan pakar ASM untuk mengurus kandungan dengan pendekatan yang menarik untuk disebarkan kepada orang awam. Pelbagai media digunakan untuk menyedia dan menyebarkan maklumat oleh unit produksi ASM. Dari menyusun dokumen berkaitan dasar hingga menghasilkan video kempen, karya komunikasi ASM terus berkembang dengan merangkumi pelbagai disiplin ilmu.

Peranan komunikasi sains sangat penting dalam menyediakan maklumat berdasarkan bukti agar masyarakat awam memahami fakta dan data berkaitan COVID-19.

Norma baharu telah mendorong ASM untuk meluaskan jangkauan dan mencabar kebiasaan yang telah diamalkan selama ini. Justeru, dalam usaha menyesuaikan diri dengan aktiviti yang dijalankan sepenuhnya secara maya, hasil kerja ASM telah dibentangkan di pelbagai platform.

PENERBITAN & JURNAL:



- Edisi Kedua Modul *MCRCR*
- Laporan Tahunan 2019
- *Precision Medicine Inititative in Malaysia*
- Pengajaran dari Sungai Kim Kim, Pasir Gudang (Dwibahasa)
- *10-10 MySTIE Framework*

ASM Science Journal 123 artikel

6 ISU KHAS

VOL. 13

- ICFICE
- ICSCC2019
- CIIDT2018
- NCAFM2018
- APRU2018
- InCOMR2019

Lembaran Fakta COVID-19

10

PEMBACA DALAM TALIAN:

e-Penerbitan
101
setakat ini

Pembaca
30,940

Capaian
82,510

ASM FOCUS: *e-Newsletter*

Terbitan
11

Artikel
38

Pembaca
20,616

AKAN DATANG...



Just an Individual of a Species: An Autobiography of Ahmad Mustaffa Babjee

Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee FASc merupakan seorang figura terkenal dalam pemuliharaan alam. Beliau telah memainkan peranan penting dalam usaha pemeliharaan spesies biodiversiti yang unik dan jarang di Malaysia.

Just an Individual of a Species mengandungi setiap elemen pengetahuan mengenai naturalis terkenal ini. Autobiografi ini menceritakan pelbagai kisah dan pengalaman Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee FASc. Perjalanan hidup beliau yang menarik, emosi yang beliau lalui, dah perspektif beliau mengenai kebajikan, sains dan teknologi telah disampaikan dengan baik dalam autobiografi ini, membuatkan sisi lain pahlawan hijau negara ini menarik untuk difahami.

***The Biology of a Long-Necked Weevil (Cycnotrachelus* sp.)**

Adakah teknologi yang diilhamkan oleh serangga berpotensi sebagai penyelesaian masalah?

Terdapat pelbagai persoalan mengenai serangga di dunia ini. Latihan dan kajian selama bertahun-tahun diperlukan bagi menjawab soalan-soalan tersebut. Namun demikian, minat Academician Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee FASc terhadap alam mendorong beliau untuk mengkaji peranan serangga yang boleh memberi ilham kepada teknologi untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lestari.

Buku *The Biology of a Long-Necked Weevil* ditulis mengenai kitaran hidup dan anatomi *Cycnotrachelus* sp., di mana menurut penulis, Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee FASc, serangga ini boleh menunjukkan sensor berteknologi tinggi untuk bunyi, getaran, bau, dan juga dari segi mekanikal.

Perhubungan Korporat

Visibility. Views. Vision

Unit Perhubungan Korporat ditubuhkan secara rasmi pada Julai 2020 untuk memastikan bahawa ASM boleh meningkatkan keterlihatan di ruang media dan media sosial. Melalui tayangan di saluran penyiaran dan media cetak, isu COVID-19 dibicarakan secara meluas. Selain itu, topik-topik nasional lain seperti masalah air, pendidikan dan kesihatan turut diteroka dengan lebih mendalam.

Kami ingin menampilkan individu di sebalik segala aspek sains serta menyampaikan ilmu pengetahuan daripada jaringan pakar ASM kepada masyarakat umum melalui saluran media dan rangkaian media sosial.

Kami mengalu-alukan penglibatan Felo ASM dalam menyampaikan sains. Hubungi kami di corporate_relations@akademisains.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai peluang bekerjasama ini.

Antara wawancara yang menampilkan Jaringan Pakar ASM:

Astro Awani

Bernama TV

Radio Televisyen Malaysia

Business Station FM

New Straits Times

Berita Harian

Utusan Malaysia

Sin Chew Daily

Malay Mail Online

The Malaysian Insight

Malaysiakini

The Vibes

Malaysia Now

Bernama

Science Media Centre Malaysia

Code Blue

Sinar Harian

The Star

The Sun

Dayak Daily

Utusan Borneo

The Edge

MEDIA SOSIAL

(2020-2021)

10,785

2,151

6,131

1,630

443

JUMLAH PENGIKUT

21,140



Mengukuhkan Kolaborasi dan Rangkaian Antarabangsa

Mesyuarat Serantau bagi AASSA *Working Group on Climate Change and Health*

German National Academy of Sciences (Leopoldina), dan rangkaian global *The InterAcademy Partnership* (IAP) sedang menjalankan satu projek mengenai Perubahan Iklim dan Kesihatan.

Perubahan iklim memberi kesan kepada kesihatan manusia dan sistem kesihatan, dan dijangka akan Perubahan iklim telah pun mempengaruhi sistem kesihatan dan kesihatan manusia. Perubahan iklim dijangka akan meningkatkan beban terhadap pelbagai keadaan kesihatan yang sensitif terhadap iklim. Penyelidikan telah banyak menyumbang terhadap peningkatan taraf kesihatan di pelbagai negara, namun dari segi pemahaman kesan iklim terhadap kesihatan, bukti yang ada tidak teratur. Kesan kesihatan terhadap perubahan iklim sering diabaikan sehingga baru-baru ini, ia mula diberi perhatian. Perubahan ini memerlukan bukti saintifik yang kukuh untuk membantu dalam pemilihan polisi dan menilai komitmen semasa. Ancaman kepada kesihatan perlulah menggalakkan tindakan tegas oleh komuniti saintifik dan kesihatan serta penggubal dasar, untuk melindungi kesihatan generasi semasa dan akan dating, sebagai sumbangan penting kepada SDG.

Projek baru ini akan menerbitkan tiga laporan untuk Afrika, Asia dan Amerika (laporan untuk Eropah telah diterbitkan). Laporan ini akan mengkaji situasi mengenai Perubahan Iklim dan Kesihatan dan merangka cadangan berasaskan sains untuk rantau-rantau tersebut. Selain itu, sintesis global berdasarkan keputusan setiap rantau akan menekankan persamaan dan perbezaan, memberikan nasihat mengenai Perubahan Iklim dan Kesihatan untuk pelaksanaan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Cadangan ini akan dipadankan mengikut situasi tempatan dan keperluan strategik, dengan mengambil kira penyelesaian dari segi penyesuaian dan mitigasi/ pengurangan.

IAP terdiri daripada lebih 140 akademi sains dari Afrika, Asia, Amerika dan Eropah yang disusun mengikut empat rangkaian serantau, iaitu The Association of Academies and Societies of Sciences in Asia (AASSA), European Academies' Science Advisory Council (EASAC), InterAmerican Network of Academies of Sciences (IANAS) dan Network of African Science Academies (NASAC).

Pakar dan wakil dari empat rangkaian ini - AASSA (Asia), EASAC (Eropah), IANAS (Amerika) dan NASAC (Afrika) - bersidang di Halle, Jerman pada 4-5 November 2019 untuk mesyuarat pertama projek ini.

Untuk menangani desakan perubahan iklim dan kesannya terhadap kesihatan rantau Asia, mesyuarat serantau pertama AASSA *Working Group on Climate Change and Health* telah diadakan pada 24 hingga 25 Februari di Kuala Lumpur. Ia diketuai oleh Academician Dato' Dr Khairul Anuar Abdullah FASc, Presiden AASSA dan Ketua Projek AASSA *Working Group on Climate Change and Health*. Profesor Yoo Hang Kim telah hadir untuk memberi pengenalan ringkas mengenai AASSA dan untuk berkongsi pengalamannya mengenai projek *InterAcademy Panel*.

Dr Robin Fears (Pengarah merangkap IAP *Coordinator)* dari EASAC *Biosciences Programme* telah berkongsi pengalaman beliau mengenai *Europe's Study on Climate Change and Health*. Wakil dari beberapa negara turut membentangkan laporan mengenai perubahan iklim, yang merangkumi mitigasi, kesesuaian, dan polisi negara, iaitu:

- Australia: Profesor Anthony Capon
- India: Dr Shabana Khan (secara maya)
- Indonesia: Profesor Dr Sofia Mubarika Haryana (secara maya)
- Malaysia: Profesor Dr Jamal Hisham Hashim
- New Zealand: Profesor Alistair Woodward
- Nepal: Dr Megnath Dhimal
- Pakistan: Profesor Dr Mohammed Perwaiz Iqbal
- Rusia: Profesor Victor Bogatov
- Turki: Profesor Ismail Koyuncu

The Asia Report on Climate Change and Health akan merangkumi *Oceania* dan seluruh rantau Asia. Projek The AASSA *Climate Change and Health* dijangka siap menjelang Julai 2021.

Imbas Kod QR untuk bacaan selanjutnya

Webinar *Open Science APEC* & 2020 APEC *Science Prize for Innovation, Research and Education* (ASPIRE)

Waktu pandemik merupakan masa yang sesuai untuk menghargai kepentingan dan nilai sains dan teknologi dalam kehidupan kita.

Sains Terbuka merupakan pendekatan baharu yang diguna pakai dalam proses saintifik yang berdasarkan kerjasama. Ia juga merupakan satu cara baharu menyebarkan pengetahuan melalui teknologi digital dan alat kolaborasi dalam menangani cabaran global. APEC *Policy Sharing Webinar on Open Science* bertujuan untuk membina sebuah komuniti yang bekerjasama dalam mengenal pasti kaedah-kaedah mentadbir urus dan pengetahuan teknikal platform, di samping menjadi suatu medium untuk berkongsi amalan terbaik yang digunakan oleh negara ahli APEC serta dasar-dasar antarabangsa untuk mentadbir urus platform tersebut.

Pakar-pakar yang telah dijemput daripada negara ahli APEC telah mengetengahkan kepentingan berkongsi data pada tahap yang belum pernah dicapai berdasarkan paradigma sains terbuka. Hal ini menjadi semakin penting ketika dunia sedang dilanda pandemik COVID-19. Pakar-pakar yang hadir adalah seperti berikut:

I. Dr Alan Paic, Analis Kanan Dasar, Dasar Sains dan Teknologi OECD
II. Dr Yasuhiro Murayama, Ahli, *Science Council of Japan*
III. Dr Virginia Barbour, *Australasian Open Access Strategy Group* (AOASG)
IV. Profesor Dr Noorsaadah Abdul Rahman FASc, MOSP
V. Dr Anders Karlsson, Naib Presiden, Jaringan Strategik Global, Elsevier

Satu Kenyataan APEC PPSTI Tentang Sains Terbuka telah dibentuk semasa Webinar tersebut untuk menggiatkan penglibatan dan perkongsian ilmu pengetahuan dalam kalangan negara ahli APEC melalui Sains Terbuka. Dalam kenyataan tersebut, negara ahli APEC telah mengiktiraf peranan penting Sains Terbuka dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi secara lestari dan inklusif yang turut membawa kebaikan dari segi inovasi. Perkara ini akan menjadi kenyataan sekiranya sektor awam dan swasta dapat memberi komitmen dalam memperkasa ekosistem Sains Terbuka yang turut berpotensi memupuk aspirasi masyarakat untuk mempunyai perkongsian maklumat saintifik secara saksama. Sempena acara APEC 2020 dan ulang tahun APEC yang ke-sepuluh, acara penyampaian 2020 ASPIRE turut dijalankan semasa Webinar tersebut. Anugerah tahunan tersebut mengiktiraf saintis muda yang menunjukkan komitmen dalam penyelidikan saintifik.

Dr Huai Chen telah dinamakan sebagai penyelidik awal terbaik di rantau ini. Beliau merupakan seorang profesor di *Chengdu Institute of Biology, Chinese Academy of Sciences*. Fokus penyelidikan beliau terletak pada perkhidmatan biodiversiti dan ekosistem kawasan tanah basah. Pemuliharaan kawasan tanah basah memainkan peranan penting dalam pengurangan kesan perubahan iklim kerana kawasan tanah basah merupakan salah satu kawasan tadahan karbon yang sangat efektif. Hasil kajian Dr Chen telah memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kawasan tanah basah, termasuklah perlindungan kawasan basah dengan lebih baik, membangunkan model generasi baharu tentang penghasilan gas metana serta mempertingkatkan penilaian penyimpanan karbon dan nilai ekologi. Dr Chen telah dipilih dari kalangan dua belas peserta yang telah dicalonkan oleh negara ahli APEC untuk anugerah tersebut yang bertemakan Biodiversiti untuk Kemajuan Ekonomi. Beliau telah menerima hadiah wang tunai sebanyak USD25,000 tajaan *Wiley and Elsevier*, sebuah syarikat penerbitan ilmu pengetahuan saintifik.

Pemenang Anugerah ASPIRE telah diumumkan oleh YB Datuk Ir Dr Siti Hamisah Tapsir, Setiausaha Agung MOSTI.

2020 World Conference on Science Literacy

Meningkatkan kecelikan sains awam, menggalakkan usaha anti-pandemik global

Sekali lagi, pandemik COVID-19 telah membuktikan bahawa dunia ini terdiri daripada masyarakat yang mempunyai visi yang sama. Oleh itu, peranan sains, teknologi dan invasi perlu diketengahkan dalam menangani krisis tersebut dan mencapai pembangunan secara lestari, di samping memaksimakan peranan kecelikan sains dalam menyokong pembangunan tersebut.

Sehubungan itu, *World Conference on Science Literacy* 2020 telah diadakan pada 8 Disember 2020 di Beijing, yang membawa tema Meningkatkan Kecelikan Sains Awam, Menggalakkan Usaha Anti-Pandemik Global. Persidangan tersebut telah dianjurkan oleh *China Association for Science and Technology* (CAST) dengan kerjasama *World Federation of Engineering Organizations* (WFEO), *United Nations Educational*, *Scientific and Cultural Organization* (UNESCO), *International Science Council* (ISC) dan *The World Academy of Sciences* (TWAS).

Wakil-wakil dari organisasi sains & teknologi antarabangsa dan serantau serta pakar-pakar (termasuk pemenang anugerah Nobel dan ahli akademik dari pelbagai bidang sains dari seluruh dunia) telah menyampaikan ilmu pengetahuan mereka untuk meningkatkan kecelikan sains awam serta menyampaikan peranan sains dalam menangani pandemik COVID-19. Objektif persidangan tersebut adalah untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan hasil daripada usaha menangani COVID-19, di samping membincangkan langkah balas dan pelan untuk tindak balas krisis kesihatan awam. Selain itu, persidangan ini turut menjadi platform untuk mempergiatkan mekanisme kerjasama antarabangsa dalam menggalakkan kecelikan sains awam, serta meningkatkan kapasiti komuniti sains dan teknologi global dalam menangani krisis dan cabaran termasuk pandemik.

Semasa sidang pleno, beberapa ahli panel dari beberapa negara telah menyampaikan ucapan masing-masing tentang kecelikan sains serta peranan sains dalam melawan pandemik. Zhang Boli, (ahli akademik dari Chinese Academy of Engineering), Michael Levitt (Pemenang anugerah Nobel dalam bidang kimia), Hazami Habib (KPE, ASM), Ehud Menipas (Pengerusi *Association of Engineers, Architects and Graduates in Technological Sciences in Israel*) dan Huai Jinpeng (Naib Presiden Eksekutif and Ketua Setiausaha Eksekutif CAST, *Academician of Chinese Academy of Sciences* (CAS)). Puan Hazami Habib telah berkongsi pengalaman dan langkah-langkah yang diambil oleh negara Malaysia dalam memerangi COVID-19 serta menekankan kepentingan penyelidikan dan program capaian semasa pandemik ini.

Komuniti sains dan teknologi telah disarankan untuk mempraktikkan pertukaran pelbagai hala, kerjasama terbuka, pembangunan bersama, dan berusaha untuk menggalakkan kecelikan sains di seluruh dunia. Komuniti sains juga perlu memerangi pandemik COVID-19 secara berterusan dan memudahcarakan pemulihan ekonomi. Selain itu, komuniti sains juga perlu berusaha membentuk masa depan yang ideal di samping mencapai SDG untuk kesejahteraan dunia.

International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation (ISTIC)

ISTIC di bawah naungan UNESCO merupakan satu-satunya Pusat Kategori Kedua di bawah sektor Sains Semula Jadi yang mempunyai pengkhususan dalam Dasar STI di negara selatan. Selama sedekad, ISTIC telah memberi fokus kepada agenda utama berikut: Polisi STI; Wanita dalam STI; Pendidikan Sains Berdasarkan Inkuiri (IBSE) dan Pendidikan STEM; Penyelenggaran Infrastruktur; Teknokeusahawanan; Akreditasi dan Mobiliti Jurutera dan Juruteknik; serta Teknologi Digital. Sejak pertubuhannya, ISTIC telah menganjurkan sebanyak 101 program yang merangkumi lapan SDG. Program tersebut telah dihadiri oleh 4,298 peserta (1,566 peserta dari Malaysia) dari 105 negara (termasuk 99 negara ahli G77) dan telah bekerjasama dengan lebih daripada 150 rakan strategik.

Tahun 2020 akan diingati sebagai tahun pandemik COVID-19. Namun begitu, ISTIC telah bertindak dengan menghadapi cabaran yang ada serta beradaptasi dengan normal baharu. ISTIC telah mencatat pencapaiannya setakat ni, terus mengukuhkan hubungan antara rakan kongsi, melaksanakan inisiatif saintifik serta meneroka peluang-peluang baharu.

ISTIC telah menganjurkan program utama di bawah agenda (seperti Teknokeusahawanan) dengan *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC) dan *Centre for Science & Technology of the Non-Aligned and Other Developing Countries* (NAM S&T Centre). ISTIC telah menganjurkan program latihan tentang polisi STI bersama *Korea Institute of S&T Evaluation and Planning* (KISTEP). Selain itu, ISTIC bekerjasama dengan *International Knowledge Centre for Engineering Science and Technology under the auspices of UNESCO* (IKCEST) untuk menganjurkan program mengenai Data Raya. ISTIC juga bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan *National STEM Centre* untuk menganjurkan program latihan *Computer Science Education* untuk guru-guru dari seluruh Malaysia. ISTIC turut bekerjasama dengan *Office for Climate Education* (OCE), *Southeast Asian Ministers of Education Organisation–Regional Centre for Education in Science and Mathematics* (SEAMEO RECSAM) dan *Institute for Environment and Development* (LESTARI) untuk menganjurkan program *Climate Change Education* secara dalam talian. ISTIC juga telah menganjurkan sebuah program baharu tentang Sains Terbuka yang melibatkan kerjasama antara sektor dalam kalangan jaringan pemegang taruh sains untuk merealisasikan SDG.

Meskipun cabaran pandemik masih menggasak dunia, namun ISTIC yakin bahawa ianya mampu memenuhi kehendak pemegang taruh dan membawa perubahan positif melalui pendekatan bertumpu di masa akan datang.



International Science Council-ROAP

ROAP tetap meneruskan tanggungjawabnya sepanjang tahun 2020 walaupun pandemik COVID-19 telah melanda negara. ROAP menggiatkan usahanya untuk mempelbagaikan cara dalam meneruskan penglibatan bersama semua ahli serantau.

Sains Terbuka merupakan fokus utama bagi aktiviti-aktiviti ROAP. ROAP telah bekerjasama dengan UNESCO *Science Bureau for Asia and the Pacific in Jakarta* untuk memberi input dalam perundingan serantau bagi mencapai persetujuan tentang Sains Terbuka. ROAP akan tetap meneruskan aktiviti dan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk membangunkan Sains Terbuka. Oleh itu, ROAP telah bekerjasama dengan ASM dan MOSTI untuk memperjuangkan agenda Sains Terbuka di APEC. APEC PPSTI telah menyokong usaha perjuangan agenda tersebut. Usaha tersebut menyeru negara ahli APEC untuk menyokong Sains Terbuka dalam menggalakkan penggunaan bukti berasaskan sains dalam menyebarluaskan dasar domestik dan meningkatkan kerjasama melalui pembangunan kapasiti serta perkongsian pengalaman.

ROAP bersama dengan MSAF dan ASM telah menganjurkan *TropSc Webinar Series: The Future Belongs to the Tropics* bagi menangani SDG. Siri webinar tersebut mengetengahkan isu-isu kelestarian di kawasan tropika. Webinar pertama yang dianjurkan, *Youth for the Tropics*, telah diadakan sempena Hari Belia Antarabangsa. Webinar tersebut memfokuskan kepada isu perubahan iklim, penggunaan dan perlindungan sumber-sumber asli serta mengupas tentang peranan keusahawanan sosial. ROAP telah melancarkan *Register of Disaster Risk Reduction (DRR) Social Entrepreneurs* yang akan diguna pakai dalam penghasilan *DRR Social Entrepreneurs Handbook and Roadmap*. Selain itu, ROAP turut bersama-sama menganjurkan:

i. *Black Gold of the Tropics* sempena Hari Kopi Sedunia
ii. *The Soul of the Cities* sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia
iii. *Mountains and Life* sempena I*nternational Mountain Day*

ISC juga telah bekerjasama dengan *United Nation Development Programme* (UNDP) untuk menganjurkan webinar bertajuk *Rethinking Human Development*. Hasil daripada webinar tersebut telah dibukukan dan dilancarkan semasa Hari Sains Sedunia untuk Keamanan dan Pembangunan. Penerbitan tersebut telah memasukkan input daripada pelbagai pihak tentang isu-isu sempadan dunia dan hak orang asli dalam usaha memangkinkan perbincangan tentang isu-isu tersebut. Selain itu, ROAP turut menganjurkan webinar tersebut dalam Bahasa Malaysia untuk merangkumkan kepelbagaian rantau ini. Hasil daripada webinar tersebut akan diterbitkan.



Jaringan Pakar

Mesyuarat Agung Tahunan ASM ke-25

Mesyuarat Agung Tahunan kali ini merupakan mesyuarat pertama yang diadakan secara maya berikutan sekatan pergerakan yang dikenakan semasa pandemik COVID-19. Seramai 186 Felo telah menyertai mesyuarat ini, di mana 184 felo menyertai secara dalam talian dan dua felo menghadirkan diri secara fizikal di pejabat ASM. Mesyuarat kali ini mencatatkan kehadiran yang tertinggi dalam tempoh 25 tahun penubuhan ASM.

Tayangan video selama 2 minit yang memaparkan perjalanan ASM selama 25 tahun telah menarik perhatian para hadirin. Video tersebut turut menampilkan permulaan 50 Felo Asas yang kini telah berkembang ke jumlah 374 Felo. ASM juga turut menerbitkan sebuah buku peringatan yang merekodkan kenangan dan aktiviti ASM sepanjang 25 tahun penubuhannya.

Dalam ucapannya, Profesor Datuk Dr Asma Ismail FASc menyampaikan gambaran keseluruhan inisiatif ASM, aktiviti utama bagi tahun 2020 dan kajian strategik ASM mengenai impak sains pada ekonomi negara. Datuk Asma turut mengumumkan bahawa Rangka Kerja 10-10 MySTIE telah diusulkan sebagai salah satu pelan pemulihan ekonomi pasca COVID-19. Buat julung kalinya, Menteri MOSTI, YB Khairi Jamaluddin menyebut mengenai STIE dalam sesi Parlimen. STIE juga turut disematkan dalam Dasar Sains, Teknologi, dan Inovasi Negara baharu, di mana integrasi antara sains dan ekonomi untuk penghasilan impak diakui secara formal.

Felo Kanan bagi tahun 2019 turut diumumkan pada mesyuarat kali ini. Academician Profesor Datuk Dr Halimaton Hamdan FASc dilantik atas usaha beliau dalam memupuk bakat saintifik Malaysia, pencapaian cemerlang serta sumbangan beliau dalam bidang nanoteknologi melalui penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

Top Research Scientists Malaysia (TRSM)

Saintis terkemuka negara melaksanakan penyelidikan dengan meneliti fakta-fakta asas, menyebarkan pengetahuan untuk generasi akan datang dan menterjemahkan penemuan mereka demi sebuah negara yang lebih makmur. Minda terulung ini, iaitu para penyelidik, berpotensi menerajui pelaksanaan agenda STI Malaysia.

Inisiatif pangkalan data TRSM dimulakan ASM dengan tujuan untuk meraikan pencapaian saintis Malaysia dan meletakkan mereka sebagai contoh yang terbaik dan mentor untuk saintis muda negara. Repositori dalam talian tersebut turut berperanan sebagai hub penyebaran ilmu pengetahuan yang akan membantu perkembangan STI di Malaysia.

Pengguna berdaftar: 5,152
Data dan maklumat lengkap penyelidik: 4,833
Jumlah Penerima TRSM (2012-2020): 196

Penerima TRSM berdasarkan kumpulan disiplin:
- Sains Kejuruteraan: 69
- Sains Biologi, Pertanian & Alam Sekitar: 45
- Sains Perubatan & Kesihatan: 24
- Teknologi Maklumat & Sains Komputer: 21
- Matematik, Fizik & Sains Bumi: 17
- Sains Kimia: 16
- Sains Sosial & Kemanusiaan: 3
- Pembangunan Sains & Teknologi dan Industri: 1

2020 FELO

1 Felo Kanan

20 Felo Baharu

2019 TRSM

30 Penerima

196 Jumlah Penerima

Young Scientists Network-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM)

New Norms, Impacts and Beyond
Tahun 2020 membawa pelbagai cabaran yang menguji YSN-ASM dalam meneruskan impak sambil menyesuaikan diri dengan norma baru. Di bawah kepimpinan Dr Chai Lay Ching, YSN-ASM komited dalam menyesuaikan diri dengan dunia maya dalam usaha untuk menjadi pendorong ekosistem STI nasional.

Dua puluh tiga saintis dari universiti awam dan swasta, institusi penyelidikan, pertubuhan bukan kerajaan, dan industri telah dilantik sebagai ahli YSN-ASM pada tahun 2020. Latar belakang ahli-ahli baru yang komprehensif dan kerjasama dengan ahli gabungan baru akan dimanfaatkan bagi membawa YSN-ASM ke tahap yang lebih tinggi.

Sebahagian daripada program maya yang diterajui YSN-ASM pada tahun 2020:

1. Kerjasama dengan industri
YSN-ASM sebagai suara saintis muda Malaysia kini diiktiraf di peringkat nasional, dengan lebih banyak jemputan untuk berkolaborasi dengan pemain industri. Merck Malaysia Sdn Bhd dan ViTrox Corporation Sdn Bhd merupakan rakan industri untuk YSN-ASM *Chrysalis Award* 2020. YSN-ASM juga menganjurkan tiga siri webinar *Merck Back to Lab* untuk membincangkan cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19. Selain itu, kerjasama berterusan dengan Petrosains Sdn Bhd juga memberi impak positif melalui projek *Petrosains STEM Live*.

2. *YSN-ASM Chrysalis Award* 2020
Panel hakim telah memilih 15 finalis daripada 46 penyertaan untuk anugerah sulung ini. Semua finalis telah menjalani latihan mengenai pelbagai kemahiran seperti etika penyelidikan, komunikasi sains, penasihat sains, pengkomersialan, dan penyusunan kertas cadangan. Acara akhir telah disempurnakan oleh Setiausaha Agung MOSTI, Datuk Ir Dr Siti Hamisah Tapsir pada 9 Januari 2021. Lam Jia Yong dari UPM telah diumumkan sebagai Pemenang Tempat Pertama. Beliau telah membawa pulang hadiah wang tunai, tajaan dari Merck, dana pembangunan kerjaya dari ASM dan sijil pencapaian. Tujuan utama anugerah ini adalah bagi mengenal pasti dan memupuk calon PhD untuk menjadi tonggak pada masa hadapan bagi STI ekosistem.

3. *Science Café*
Science Café, salah satu acara khas YSN-ASM untuk mempromosikan komunikasi sains, telah dianjurkan secara maya melalui Facebook YSN-ASM dengan pelbagai topik STI yang menarik, dari pembelajaran dalam talian hingga ke bisa ular. Dua belas sesi telah dianjurkan, dengan menampilkan ahli YSN-ASM dan ahli gabungan, dan telah mendapat 8601 tontonan di Facebook.

4. Pelancaran modul IBSE
Begitulah Sang Suria dan Gen, Inovasi Kehidupan! adalah dua Modul IBSE yang ditujukan untuk guru sekolah rendah. Kedua-duanya telah disiapkan oleh kumpulan kerja Pendidikan Sains YSN-ASM. Presiden ASM melancarkan kedua-dua modul semasa Kolokium Maya YSN-ASM 2020. Kursus dalam talian boleh didapati di Openlearning.com pada tahun 2021. Ia juga akan digunakan untuk latihan dalam talian dalam kolaborasi yang akan datang dengan Pusat STEM Nasional.

5. Kembara STIE MOSTI
Ini adalah satu-satunya program jangkauan yang dijalankan secara fizikal pada tahun 2020. Program ini dianjurkan sempena Minggu Sains Negara (Negeri Sembilan). Dua modul jangkauan mengenai sains forensik dan genetik telah diatur oleh pasukan YSN-ASM *Outreach* di UiTM Rembau, yang turut dihadiri oleh YB Khairy Jamaluddin. Acara ini masih berjaya menarik minat pelajar sekolah dengan keajaiban sains walaupun terbatas dengan pelaksanaan SOP yang ketat.



68
Ahli

111
Ahli gabungan

23
Ahli baru

23
Ahli gabungan baru

22.3%

24.6%

16.4%

Live

4,900
tontonan ketika sesi Pembentangan di Pusingan Akhir YSN-ASM Chrysalis Award 2020

Imbas kod QR untuk maklumat lanjut



Dalam Kenangan

Academician Emeritus Profesor Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Baba FASc



(31 Oktober 1935 – 30 Mac 2020)

> *"At every turn we make around the world to-day we witness a mounting wave of diligent persuit of knowledge by every progressive nation and emphasis made in transforming education attainment into progress."*

Academician Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Baba dilahirkan di Chembong, Rembau, Negeri Sembilan. Beliau merupakan pemegang Diploma dalam bidang Sains Pertanian dari Malayan *Agricultural College* (1954-1957), Sarjana Muda Sains (BSc) dalam bidang Pertanian dari *University of Reading*, UK (1960), dan Ijazah Doktor Falsafah dari *University of Leeds*, UK (1964).

Kerjaya pertama beliau bermula pada tahun 1957 sebagai pegawai di Jabatan Pertanian di Seremban, Negeri Sembilan. Kemudian, beliau bekerja sebagai penolong pensyarah di *Agricultural College of Malaya* dan ahli agronomi di Jabatan Pertanian (1964).

Kemahiran kepemimpinan Tan Sri Rashdan terserlah ketika beliau memegang jawatan sebagai Pengetua di *Agricultural College of Malaya* (1965-1969). Kredibiliti beliau dalam sektor pendidikan terbukti apabila Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak, telah melantik beliau sebagai Naib Canselor pertama yang menerajui Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tan Sri Rashdan telah memulakan inisiatif untuk menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pengajaran dan penulisan dengan tujuan untuk memartabatkan Bahasa setaraf dengan perkembangan ilmu pengetahuan.

Beliau juga telah dilantik sebagai Naib Canselor UPM yang pertama (1971-1982). Selaku Naib Canselor pertama, beliau telah berjaya menubuhkan sembilan buah fakulti dan dua pusat yang mengendalikan 19 program ijazah, sembilan program diploma dan satu program profesional, serta ijazah lanjutan. Setelah bersara dari UPM, beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad dari tahun 1982 hingga 1987, menggantikan pengurus Britain ketika itu. Tidak lama kemudian, beliau menerajui Telekom Malaysia Bhd (TM) selama 12 tahun, dan telah menyumbang terhadap pertumbuhan industri telekomunikasi negara.

Sepanjang perjalanan kerjayanya, Tan Sri Rashdan telah menerima pelbagai anugerah dari dalam dan luar negara, termasuk gelaran Profesor Emeritus oleh UPM (1982), Ijazah Kehormat Undang-Undang oleh UKM (1999), Ijazah Kehormat Doktor Sains dari *University of Reading* (1986), dan Ijazah Kehormat Undang-Undang dari *University of Leeds* (1989). Beliau juga telah menerima anugerah *CEO of The Year* dari *Business Times* dan *American Express Corporate Services* (1995). Pada tahun 2013, beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Akademik Nasional (AAN).

Tan Sri Rashdan disegani sebagai seorang ikon, pendidik dan ahli korporat yang berjaya. Beliau akan sentiasa dikenang oleh semua.

Dr Lim Boon Liat FASc



(21 Ogos 1926 – 11 Julai 2020)

> *"Do not be deterred by failure as persistency and perseverance will overcome it."*

Dr Lim Boon Liat adalah ahli zoologi yang disegani di Malaysia. Beliau telah mendedikasikan kehidupannya untuk membuat penyelidikan dalam bio-perubatan pada haiwan kecil berkaitan dengan penyakit zoonosis. Minat beliau mula berputik ketika beliau di belajar di Sekolah Tinggi Klang. Sekolah tersebut memiliki sebidang tanah sebagai tapak semaian tanaman dan sayur-sayuran. Burung, serangga dan kadang kala, tikus dan ular sering muncul di kebun tersebut. Beliau mula tertarik dan sentiasa ke kebun itu untuk memerhati kehidupan flora dan fauna di situ.

Perang Dunia II telah mengganggu pelajarannya. Dr Lim kemudiannya menuju ke Pulau Carey di Selangor dan mendirikan kilang untuk menghasilkan garam dari air laut. Di sana, beliau bertemu dengan orang asli yang telah mengajar beliau cara untuk mengenal pasti jenis haiwan yang berbeza.

Minatnya yang mendalam terhadap alam semula jadi semakin bercambah. Dengan pengetahuannya mengenai haiwan, beliau ditawarkan pekerjaan di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) sebagai pembantu makmal sementara di Unit Penyelidikan Scrub Typhus. Beliau terlibat dengan pelbagai projek di bawah naungan Muzium Bishop, Universiti Hawaii. Beliau juga berpeluang membantu menubuhkan Zoo Negara di Malaysia, bersama-sama dengan mendiang Tan Sri V M Hutson dan mendiang Datuk Kington Loo, serta pegawai dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (DWNP).

Pada tahun 1959, Dr Lim telah menerima *Sino-British Fellowship Trust Award* di bawah *British Council*. Selama setahun setengah, beliau telah mempelajari ekologi haiwan di Oxford dan taksonomi mamalia di *British Natural History Museum*. Pada tahun 1961, beliau telah dilantik sebagai ketua Unit Ekologi Perubatan di IMR. Kemudian, Dr Lim telah melanjutkan pelajaran dan berjaya menggenggam Ijazah Sarjana dari *University of Aberdeen*, Scotland. Beliau telah kembali ke IMR dan dinaikkan pangkat sebagai ahli zoologi. Pada tahun 1977, beliau menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam Zoologi di Universiti Sains Malaysia. Dr Lim kemudiannya telah dibawa ke WHO di Indonesia, di mana beliau dilantik sebagai ketua Unit Penyelidikan Kawalan Vektor Biologi.

Setelah bersara dari WHO pada tahun 1987, Dr Lim dilantik sebagai penasihat kehormat untuk Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia. Beliau turut berkhidmat sebagai perunding dengan *Forest Research Institute of Malaysia* (FRIM) dan *DANCED-Management of Krau Wildlife Reserve*, Pahang.

Dr Lim telah menerima pelbagai anugerah termasuk *Sandosham Gold Medal* oleh *Malaysian Society of Parasitology and Tropical Medicine* (1978), *Malaysia Toray Science Foundation* (1995), Ahli Kehormat bagi *The American Society of Mammalogists* (2003), *Spallanzani Award* oleh *North American Society for Bat Research* (2007), dan Merdeka Award (2013).

Dr Lim telah meninggal dunia pada usia 94 tahun. Legasi beliau sebagai ahli zoologi dan naturalis terkemuka akan tetap dikenangi.

Penyata Kewangan ASM 2020 adalah bukti ketahanan ASM dalam menghadapi cabaran berikutan pandemik COVID-19. Walaupun situasi sebegini tidak pernah terjadi, Akademi cekal menghadapi cabaran pandemik ini. Pada ketika ini, Akademi telah meneruskan operasinya dengan menggunakan sumber dan teknologi sedia ada dan telah melaksanakan pendekatan bekerja dari rumah. Ia merupakan masa yang strategik untuk menilai keberkesanan pendekatan yang dipraktiskan dan keperluan untuk beralih dari manual ke sistem, fizikal ke maya, rigid ke fleksibel dan terhad kepada tidak terhad.

Akademi telah menyusun dan menjadualkan semula aktiviti dan programnya untuk memenuhi objektif yang dirancang. Pada tahun ini, Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Agung Tahunan, sesi libat urus dan mesyuarat jawatankuasa yang diadakan secara maya, telah membolehkan penyertaan yang lebih tinggi. Webinar juga telah menjadi platform popular untuk penganjuran syarahan, seminar dan kursus, di mana ianya telah berjaya menarik lebih ramai peserta dan berimpak tinggi.

Pandemik ini telah mencetus lonjakan paradigma dalam mengadaptasi teknologi sekali gus mengubah minda warga ASM. Walau bagaimanapun , ASM turut berdepan dengan cabaran-cabaran norma baharu terutamanya dalam pengurusan dan pengekalan bakat, kepimpinan dan prestasi. Transformasi ini pasti menjanjikan kemajuan dan perkembangan yang progresif untuk ASM.



Kedudukan Kewangan ASM

Kedudukan Kewangan ASM pada tahun 2020 adalah lebih kukuh dengan lebihan terkumpul berjumlah RM10,330,774 [2019: RM9,720,072].

Jumlah aset ASM adalah RM25,232,047. Sumbangan terbesar ASET ASM adalah dari simpanan tetap berjumlah RM20,378,558. Geran kerajaan dan Geran Antarabangsa yang diterima untuk operasi dan aktiviti dilaburkan ke dalam simpanan tetap yang diluluskan oleh MOF.

Sebahagian besar jumlah liabiliti ASM adalah dari geran tertunda yang diterima daripada Kerajaan Malaysia dan peruntukan yang diterima untuk Pejabat Antarabangsa yang dihoskan oleh ASM iaitu ISC ROAP dan ISTIC. Penurunan sebanyak 3% bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 (2020: RM14,901,273 2019: RM15,388,840).

Prestasi Kewangan ASM

Prestasi Kewangan ASM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menunjukkan lebihan sebelum cukai berjumlah RM910,151 berbanding tahun 2019 (RM2,688,803).

Terdapat penurunan lebihan sebanyak 66% berbanding tahun 2019. Penurunan pada tahun 2020 adalah kerana tiada pemberian geran tambahan dari Kerajaan walaupun perbelanjaan untuk program sains meningkat sebanyak 43%. (2020: RM8,699,537; 2019: RM6,072,266).

ASM mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM18,027,164 pada tahun 2020. Geran yang diterima dari Kerajaan Malaysia berjumlah RM8,164,709 (45%) manakala 45% sumber pendapatan merupakan pelunasan geran tertunda, pendapatan tertunda dan dana sumbangan berjumlah RM8,101,533. 10% adalah dari pendapatan lain dan keuntungan pelaburan berjumlah RM1,760,922.



SUMBER PENDAPATAN ASM



JUMLAH PENDAPATAN
RM18,027,164

45% -Geran Operasi ASM berjumlah **RM8,164,709**.

45% -Pelunasan geran tertunda, pendapatan tertunda dan dana sumbangan berjumlah **RM8,101,533**.

6% -Pendapatan lain berjumlah **RM1,067,095** dari yuran pengurusan, sewa, lebihan dari projek, bayaran balik GST dan lain-lain.

4% -Keuntungan pelaburan dana ASM berjumlah **RM693,827** dari faedah deposit semasa dan tetap.

PERBELANJAAN



JUMLAH PERBELANJAAN
RM17,117,013

ASM mencatatkan jumlah perbelanjaan berjumlah RM17,117,013 pada tahun 2020 berbanding RM15,862,331 pada tahun 2019, Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

51% - **Perbelanjaan Program Sains** adalah aktiviti yang diadakan oleh ASM untuk memenuhi 14 fungsi ASM seperti yang dinyatakan dalam Akta ASM 1994

35% - Perbelanjaan **Perkhidmatan dan Bekalan** terdiri daripada perbelanjaan operasi ASM yang merupakan perbelanjaan pentadbiran, gaji dan upah untuk 83 kakitangan kontrak, komunikasi sains, keahlian dan urusan antarabangsa.

4% - Perbelanjaan **Sewa** merangkumi sewaan ruang pejabat, peralatan dan stor. Pengurangan sewa pejabat yang ketara adalah kerana ASM menerima pengecualian selama 6 bulan berikutan keputusan kerajaan mengenai COVID-19

4% - **Gaji dan Upahan** untuk kakitangan tetap

2% - **Perbelanjaan lain** terdiri daripada yuran, insuran, faedah terakru dan hutang lapuk

2% - **Manfaat Pekerja** terdiri daripada gentian cuti rehat pekerja dan ganjaran

1% - **Susut Nilai Aset (Hartanah, Loji dan Peralatan)**

1% - **Pemberian dan Bayaran Tetap** terdiri daripada sumbangan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan ASM, pencen dan langganan tahunan antarabangsa

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
AKADEMI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 35.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Akademi Sains Malaysia pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Akademi Sains Malaysia 1994
(Akta 524) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

a. Belanja Terdahulu

Belanja perkhidmatan serta bekalan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain adalah terlebih nyata sejumlah RM76,243 bagi tahun 2020. Perbelanjaan ini sepatutnya direkodkan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Akademi Sains Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Majlis Akademi Sains Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Perkara Audit Utama

Kecuali perkara yang dijelaskan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran, saya memutuskan bahawa tidak ada Perkara Audit Utama lain untuk disampaikan di dalam Sijil ini.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Akademi Sains Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524). Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia, Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Akademi Sains Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Akademi Sains Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Akademi Sains Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Akademi Sains Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Akademi Sains Malaysia, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524) untuk disimpan oleh Akademi Sains Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

a. Pada 31 Disember 2017, Akademi Sains Malaysia telah mengiktiraf bangunan di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur. Sehingga kini, Akademi Sains Malaysia masih belum memperoleh dokumen pemilikan bangunan tersebut.

b. Sijil ini dibuat untuk Majlis berdasarkan Akta Akademi Sains Malaysia 1994 (Akta 524) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(SELWAH BINTI HJ. SAID)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
PUTRAJAYA
22 APRIL 2021

PENYATA PRESIDEN DAN BENDAHARI KEHORMAT AKADEMI SAINS MALAYSIA
STATEMENT BY PRESIDENT AND HONORARY TREASURER OF THE ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA

Kami, **PROFESSOR DATUK DR ASMA BINTI ISMAIL FASc** dan **DATUK DR. ABDUL RAZAK BIN MOHD ALI FASc,** yang merupakan Presiden dan Bendahari Kehormat AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM) dan juga Ahli Majlis, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis ASM, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama kedudukan ASM pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

*We**, PROFESSOR DATUK DR. ASMA BINTI ISMAIL FASc** and **DATUK DR. ABDUL RAZAK BIN MOHD ALI FASc**, being the President and Honorary Treasurer of the ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA (ASM) as well as Council Members, do hereby declare that, in the opinion of ASM Council, the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Net Assets, Statement of Cash Flows and Statement of Comparison Budget and Actual together with the notes contained therein are drawn up in order to give a true and fair view of the financial position of ASM as at 31 December 2020 and the resulting revenues and changes in the financial position of the period ending on that date.*

Bagi pihak Majlis
On behalf of the Council

PROFESSOR DATUK DR. ASMA BINTI ISMAIL FASc
Presiden / *President*

Akademi Sains Malaysia / *Academy of Sciences Malaysia*

Bagi pihak Majlis
On behalf of the Council

DATUK DR. ABDUL RAZAK BIN MOHD ALI FASc
Bendahari Kehormat / *Honorary Treasurer*
Akademi Sains Malaysia / *Academy of Sciences Malaysia*

KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Tarikh / *Date*: 21 APR 2021

20th Floor, West Wing, MATRADE Tower
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur
t : 03 6203 0633 f : 03 6203 0634
www.akademisains.gov.my

Academy of Sciences Malaysia

PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN AKADEMI SAINS MALAYSIA
DECLARATION BY CHIEF EXECUTIVE OFFICER ON THE FINANCIAL MANAGEMENT OF THE ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA

Saya, **HAZAMI BINTI HABIB**, No. K/P 660619-08-5516 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan didalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

*I, **HAZAMI BINTI HABIB**, NRIC No:660619-08-5516 being the officer primarily responsible for the financial management of the ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA (ASM), do solemnly and sincerely declare that the Statement of Financial Position, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Net Assets, Statement of Cash Flows and Statement of Comparison Budget and Actual together with the notes therein, are the best of my knowledge and belief, correct, and I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act 1960.*

Sebenarnya dan
sesungguhnya diakui oleh
penama di atas di Kuala
Lumpur, Malaysia
*Subscribed and solemnly
declared by the abovenamed
at Kuala Lumpur, Malaysia*

HAZAMI BINTI HABIB

Tarikh / *Date* :
21 APR 2021

PESURUHJAYA SUMPAH
W 465
KAPT (B) JASNI BIN YUSOFF
1 JAN 2019 - 31 DIS 2021
MALAYSIA

Di hadapan saya / *Before me* :

Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
Tel:019-6600746

20th Floor, West Wing, MATRADE Tower
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur
t : 03 6203 0633 f : 03 6203 0634
www.akademisains.gov.my

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
ASET			
Aset Semasa			
Wang Tunai dan Baki di Bank	3	681,387	596,349
Simpanan Tetap	4	20,378,558	20,795,161
Akaun Belum Terima Bagi Urus Niaga Pertukaran	5	2,326	7,379
Akaun Belum Terima Lain	6	77,824	136,821
Jumlah Aset Semasa		21,140,095	21,535,710
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Peralatan	7	3,683,921	3,551,676
Kerja Dalam Kemajuan	8	408,031	21,526
Jumlah Aset Bukan Semasa		4,091,952	3,573,202
JUMLAH ASET		25,232,047	25,108,912
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar Bagi Urus Niaga Pertukaran	9	649,214	942,497
Peruntukan Manfaat Pekerja	10	238,610	229,395
Sumbangan	11	-	337,385
Pendapatan Tertunda	12	1,258,404	1,438,383
Peruntukan Cukai	24	380,333	214,676
Jumlah Liabiliti Semasa		2,526,561	3,162,336
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Pekerja	10	29,771	23,586
Geran Tertunda	13	11,235,099	10,613,173
Geran Tertunda - Pejabat Antarabangsa	14	1,109,842	1,589,745
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		12,374,712	12,226,504
JUMLAH LIABILITI		14,901,273	15,388,840
ASET BERSIH		**10,330,774**	**9,720,072**
ASET BERSIH			
Lebihan Terkumpul		10,330,774	9,720,072
JUMLAH ASET BERSIH		**10,330,774**	**9,720,072**

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
HASIL			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	15	16,331,552	17,892,773
Urus Niaga Pertukaran	16	1,695,612	658,361
JUMLAH HASIL		18,027,164	18,551,134
PERBELANJAAN			
Gaji dan Upahan	17	739,509	771,506
Perkhidmatan dan Bekalan	18	6,075,216	5,860,156
Perbelanjaan Program Sains	19	8,699,537	6,072,266
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	20	124,626	134,231
Manfaat Kakitangan	21	284,571	237,644
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	22	274,877	1,362,201
Sewaan	23	754,476	1,251,995
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	7	164,201	172,332
JUMLAH PERBELANJAAN		17,117,013	15,862,331
LEBIHAN SEBELUM CUKAI		910,151	2,688,803
Cukai	24	299,449	274,156
LEBIHAN SELEPAS CUKAI		**610,702**	**2,414,647**

PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 01 Januari 2019		7,305,425	7,305,425
- (Seperti yang Dinyatakan Semula)			
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan		2,414,647	2,414,647
- (Seperti yang Dinyatakan Semula)			
Baki pada 31 Disember 2019		9,720,072	9,720,072
- (Seperti yang Dinyatakan Semula)			
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan		610,702	610,702
Baki pada 31 Disember 2020		**10,330,774**	**10,330,774**

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020 RM	2019 RM *(Dinyatakan Semula)*
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan Sebelum Cukai	910,151	2,688,803
Pelarasan:		
Cukai dibayar	(133,792)	(15,279)
Cukai dibayar bagi Tahun Lepas	-	(44,201)
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	164,201	172,332
Faedah dari Pelaburan Jangka Pendek dan Simpanan	(693,827)	(530,345)
Faedah Terakru	77,824	133,204
Pelarasan Pembalikan Faedah Simpanan Tetap	133,204	846,945
Pelarasan dari Hartanah, Loji dan Peralatan Dihapuskira	119	5,014
Keuntungan daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(2,367)	(1,771)
Hutang lapuk	-	500,000
Pelunasan Pendapatan Tertunda	-	(10,091)
Pelarasan Manfaat Kakitangan	-	52,326
Pelunasan Geran Tertunda	105,552	(1,479,550)
Kurangan dari Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	561,065	2,317,387
Pengurangan / (Peningkatan) daripada Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran	64,050	4,682,097
Pengurangan daripada Akaun Belum Bayar bagi Urus Niaga Pertukaran	(277,883)	(3,973,507)
Tunai Bersih digunakan untuk Aktiviti Operasi	347,232	3,025,977
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Terimaan daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	2,367	1,771
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(296,565)	(124,994)
Kerja dalam Kemajuan	(386,505)	(21,526)
Faedah Diterima	482,799	(449,804)
Tunai Bersih dijana daripada Aktiviti Pelaburan	(197,904)	(594,553)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Terimaan Sumbangan	20,630	98,233
Bayaran Sumbangan	(358,015)	(6,050)
Terimaan Pendapatan Tertunda	358,545	1,931,363
Bayaran Pendapatan Tertunda	(538,524)	(1,350,184)
Terimaan Geran Tertunda	6,686,555	7,498,227
Bayaran Geran Tertunda	(6,170,181)	(42,587,554)
Terimaan Geran Tertunda - Antarabangsa	844,916	2,505,000
Bayaran Geran Tertunda - Antarabangsa	(1,324,819)	(2,580,127)
Tunai Bersih dijana daripada Aktiviti Pembiayaan	(480,893)	(34,491,092)
PENGURANGAN BAKI TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(331,565)	(32,059,668)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	21,391,510	53,451,178
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	**21,059,945**	**21,391,510**
DIWAKILI OLEH:		
Simpanan Tetap	20,378,558	20,795,161
Wang Tunai dan Baki di Bank	681,387	596,349
	21,059,945	**21,391,510**

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Jumlah Bajet Asal 2020 RM	Jumlah Bajet Akhir 2020 RM	Jumlah Sebenar 2020 RM	Varian Bajet 2020 RM	Nota
PENERIMAAN					(a)
Urus Niaga Bukan Pertukaran					
Pemberian Kerajaan	7,329,418	8,164,709	8,084,857	79,852	
Sumbangan Luar	-	-	-	-	
Urus Niaga Pertukaran					
Pelbagai Penerimaan	-	-	-	-	
	7,329,418	**8,164,709**	**8,084,857**	**79,852**	
PEMBAYARAN					(b)
Gaji dan Upahan	880,852	776,832	743,888	32,944	
Perkhidmatan dan Bekalan	6,091,319	6,913,469	6,877,712	35,757	
Aset Tetap	-	-	-	-	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	320,787	291,832	284,866	6,966	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	36,460	182,576	178,391	4,185	
	7,329,418	**8,164,709**	**8,084,857**	**79,852**	
PENERIMAAN BERSIH	**-**	**-**	**-**	**-**	

*Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

Nota (a):
Perbezaan varian pemberian geran operasi daripada Kerajaan bagi bajet asal dan bajet akhir adalah disebabkan oleh pengurangan dalam pemberian kepada Pejabat Antarabangsa yang dihoskan oleh ASM. Oleh itu, bajet akhir ASM telah ditambah untuk menanggung perbelanjaan tahun semasa.

Nota (b):
Perbezaan varian perbelanjaan adalah disebabkan oleh pelaksanaan program pada tahun semasa terjejas berikutan situasi pandemik COVID-19. Program yang telah dirancang pada awal tahun telah dilaksanakan dalam talian dan terdapat juga aktiviti yang ditunda ke tahun 2021 atau dibatalkan. Oleh itu, ASM telah meneliti dan menyemak semula perancangan program dan bajet bagi tahun semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1 MAKLUMAT AM

a) Penubuhan dan Objektif Utama

Akademi Sains Malaysia (ASM) telah ditubuhkan di bawah Akta 524. Objektif utama ASM adalah untuk mencapai, menggalak dan meningkatkan kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi khusus untuk kemajuan dan pembangunan negara serta untuk kebaikan manusia sejagat.

b) Mata Wang Fungsian untuk Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan ASM. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM.

c) Tarikh Penyata Kewangan Diluluskan

Penyata Kewangan Akademi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis ASM pada 21 April 2021.

2 DASAR PERAKAUNAN

a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ASM telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyata Kewangan ASM ini adalah merupakan penyata kewangan tahun kelima yang disediakan mengunakan MPSAS. ASM telah menggunapakai MPSAS pada 1 Januari 2015 (lebih awal dari tarikh kuatkuasa pada tahun 2020 kepada penyata kewangan). Pemakaian MPSAS memerlukan semua piawaian di dalam MPSAS digunapakai dalam penyediaan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016, Penyata Perbandingan bagi Tahun sebelumnya Berakhir 31 Disember 2015 dan baki awal Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh peralihan kepada MPSAS. Sebelum ini Penyata Kewangan ASM telah disediakan mengunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS).

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan, anggaran dan andaian ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia telah didedahkan dalam Nota 2(p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran kepada penyata kewangan.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

b) Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus Niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

i. Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Geran dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat kegunaannya.

ii. Sumbangan

Sumbangan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Sumbangan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai liabiliti dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Sumbangan dilunaskan berasaskan kaedah garis lurus mengikut anggaran hayat kegunaannya.

iii. Sewaan

Hasil sewaan diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan. Kadar sewaan pejabat adalah dikenakan di bawah kadar pasaran.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

b) Pengiktirafan Hasil (Samb.)

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran (Samb.)

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut :

i. Pendapatan Faedah dan Pendapatan daripada Pelaburan

Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

Pendapatan faedah daripada simpanan dan deposit konvensional serta pendapatan daripada pelaburan diiktiraf mengikut asas akruan.

ii. Sewaan

Hasil sewaan diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.

iii. Lain - lain Hasil

Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan diiktirafkan pada nilai kos yang melebihi RM2,000 dan ke atas atau yang memerlukan penyelenggaraan secara berkala akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

c) Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus di atas kos di sepanjang tempoh hayat kegunaan aset tersebut pada kadar yang berikut:-

Bangunan	1.82%
Pengubahsuaian Pejabat	10%
Kenderaan	20%
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	20%
Komputer	20%

Susut nilai penuh dikenakan dalam tahun pembelian bagi hartanah, loji dan peralatan. Baki bersih setiap hartanah dan peralatan hendaklah tidak kurang daripada RM1. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusut nilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada kerja-kerja yang melibatkan hartanah dan peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusutnilaikan sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

d) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

i. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, ASM mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau kurangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

ii. Aset Penjanaan Bukan Tunai (Samb.)

ASM akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka ASM akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau kurangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, ASM menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, ASM menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

e) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila ASM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana ASM membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

e) Aset Kewangan (Samb.)

ASM hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

i. Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

ii. Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila ASM mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

iii. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, ASM akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam; atau
(ii) pembayaran tertunggak; atau
(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam ASM yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

2 DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

e) Aset Kewangan (Samb.)

iv. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta ASM telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

f) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

g) Manfaat Kakitangan

i. Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

ASM sebagai sebuah badan berkanun persekutuan menggunakan peraturan-peraturan perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang diterimapakai oleh ASM dan dasar ASM sebagai panduan. Manfaat pekerja jangka pendek ini merangkumi gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan dan kemudahan perubatan serta insurans.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, elaun, sumbangan berkanun dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Cuti bergaji seperti cuti tahunan yang tidak dapat digunakan oleh pekerja boleh di bawa ke tahun hadapan perkhidmatan pekerja tersebut. Bagaimanapun, bagi cuti yang tidak layak di bawa ke tahun hadapan seperti cuti sakit, cuti tersebut hanya akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

ii. Manfaat Selepas Perkhidmatan

<u>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</u>

ASM membuat caruman KWSP mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan oleh KWSP. Kadar caruman yang digunapakai oleh ASM adalah 12% dan 13% bagi kakitangan di bawah 60 tahun, manakala bagi kakitangan berumur 60 tahun ke atas, kadar caruman yang digunapakai adalah 4% dan 6%. Kadar caruman ini juga terpakai bagi kakitangan tetap yang memilih caruman KWSP.

<u>Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)</u>

ASM juga membuat caruman kepada KWAP bagi kakitangan tetap yang memilih caruman pencen. Kadar caruman yang digunapakai adalah mengikut seperti yang ditetapkan oleh KWAP iaitu 17.5%.

g) Manfaat Kakitangan (Samb.)

iii. Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan

<u>Kakitangan Tetap</u>

Bagi kakitangan tetap ASM sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat Gantian Cuti Rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. GCR ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang diguna pakai oleh ASM.

Gantian Cuti Rehat adalah dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 X gaji + imbuhan tetap akhir yang diterima X bilangan hari cuti rehat yang dikumpul

(tertakluk kepada had maksimum 150 hari)

Imbuhan yang diambil kira adalah:

- Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)/Keraian

<u>Kakitangan Kontrak</u>

ASM memberi ganjaran bagi setiap kontrak perkhidmatan *Contract of Service* (CoS) tertakluk kepada syarat kontrak. Kakitangan CoS ASM turut dibayar bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan dalam tempoh kontrak maksimum 6 hari. Bayaran ganjaran dan GCR bagi kakitangan kontrak adalah mengikut terma dan syarat yang termaktub dalam pekeliling perkhidmatan awam.

h) Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofset dan terdapat tujuan menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

i) Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkuatkuasa pada 1 April 2015. ASM telah mendaftar dengan Jabatan Kastam di Raja Malaysia pada 29 Disember 2014 dengan nombor rujukan 001836703744. GST kemudiannya telah dimansuhkan oleh Kerajaan berkuatkuasa 30 Jun 2018. Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kemudiannya telah diperkenalkan berkuatkuasa 1 September 2018.

j) Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan berdasarkan asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Bajet yang dibentangkan adalah bagi rujukan pihak ASM sahaja. Bajet ini telah diluluskan oleh Majlis ASM.

2 DASAR PERAKUNAN (SAMB.)

k) Peruntukan dan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila ASM mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil dari peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila ASM menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam lebihan atau kurangan daripada sebarang pembayaran balik.

l) Pihak Berkaitan

ASM menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas ASM, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Pengerusi dan ahli-ahli Majlis ASM.

m) Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan ASM keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud dari peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh ASM. ASM tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

n) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila ASM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum bayar.

n) Liabiliti Kewangan (Samb.)

ASM mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut :

<u>Pinjaman dan Belum Bayar</u>

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

o) Pajakan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran dengan pemilikan harta, tetapi bukan pemilikan yang sah disisi undang-undang, dipindahkan kepada ASM.

ASM pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan tanggungan tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti.

Dasar susut nilai bagi aset pajakan adalah konsisten dengan aset yang boleh disusut nilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa ASM akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusut nilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, ASM menilai sama ada harta pajakan di bawah pajakan kewangan perlu dirosot nilai.

Pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi pada garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Manfaat agregat insentif yang disediakan oleh pemberi pajak adalah diiktiraf sebagai pengurangan daripada perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah garis lurus. Jumlah pembayaran subpajakan minimum masa hadapan yang dijangka akan diterima di bawah subpajakan tidak boleh batal pada tarikh pelaporan.

2 DASAR PERAKUNAN (SAMB.)

o) Pajakan (Samb.)

Bayaran pajakan dan subpajakan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh, dengan amaun yang berasingan untuk pembayaran pajakan minimum, sewa luar jangka, dan pembayaran subpajakan.

Tanah pajakan bernombor Lot 20000 seksyen 60, GRN 74954 tidak diambil kira sebagai aset kerana ianya telah diambil kira dalam Penyata Kewangan Kementerian berjumlah RM40,430,000. Nilai tanah ini adalah berdasarkan penilaian bagi tahun 2017 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

i. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

Pengukuran Peruntukan

Laporan Pengukuran Belanjawan (LPB) sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

Kerugian Rosot Nilai bagi Akaun Belum Terima

ASM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, ASM menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa lima (5) sehingga 60 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

2 DASAR PERAKUNAN (SAMB.)

q) Cukai

Perbelanjaan cukai pendapatan entiti yang dikawal yang diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar berhubung dengan keuntungan yang boleh dicukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf di dalam liabiliti semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf di dalam aset semasa.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Syarikat mempunyai hak yang sah di sisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa di dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai. Aset cukai tertunda pula diiktiraf bagi perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan pada tahap di mana ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai pada masa hadapan boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah yang terhasil dan muhibah negatif.

3 WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2020 RM	2019 RM
Tunai di Tangan	6,000	3,953
Baki di Bank	675,387	592,396
	681,387	596,349

4 SIMPANAN TETAP

	2020 RM	2019 RM
Simpanan Tetap	20,378,558	20,795,161
	20,378,558	20,795,161

Simpanan tetap dibuat untuk pelbagai tempoh antara 12 bulan atau kurang bergantung kepada keperluan tunai segera ASM dan memperoleh faedah pada Kadar Deposit Jangka Pendek. Purata Wajaran Kadar Faedah Berkesan pada 31 Disember 2020 adalah pada kadar 2.08% setahun (2019: 3.48% setahun).

5 AKAUN BELUM TERIMA BAGI URUS NIAGA PERTUKARAN

	2020 RM	2019 RM
Akaun Belum Terima	2,326	7,379
	2,326	7,379

Akaun Belum Terima tidak dikenakan faedah dan secara umumnya tempoh yang terlibat dari satu hari ke 30 hari. Akaun Belum Terima diiktiraf pada Nilai Saksama semasa pengiktirafan awal. Amaun dijangka boleh pulih dalam masa 12 bulan, akan diiktiraf pada amaun invois asal. Jika tidak, ia akan diiktiraf pada Nilai Kini amaun invois asal.

Analisis pengumuran akaun belum terima adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Tidak melebihi tempoh dan tidak terjejas	-	6,250
1 hingga 3 bulan	2,326	729
3 hingga 12 bulan	-	-
Lebih dari 12 bulan	-	400
	2,326	7,379
Terjejas	-	-
	2,326	7,379

6 AKAUN BELUM TERIMA LAIN

	2020 RM	2019 RM
Pendahuluan Kakitangan	-	3,617
Faedah Terakru	77,824	133,204
	77,824	136,821

7 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 01 Januari 2020 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pengkelasan RM	Pada 31 Disember 2020 RM
PADA NILAI KOS				
Bangunan	3,399,000	-	-	3,399,000
Kenderaan	477,148	-	-	477,148
Peralatan Pejabat	899,583	77,075	(102,682)	873,976
Komputer	386,014	219,490	(23,212)	582,292
Ubahsuai Pejabat	3,851,640	-	-	3,851,640
	9,013,385	296,565	(125,894)	9,184,056

	Pada 01 Januari 2020 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pengkelasan RM	Pada 31 Disember 2020 RM
SUSUT NILAI TERKUMPUL				
Bangunan	203,940	56,650	-	260,590
Kenderaan	477,142	-	-	477,142
Peralatan Pejabat	858,774	19,536	(102,571)	775,739
Komputer	239,214	59,900	(23,204)	275,910
Ubahsuai Pejabat	3,682,639	28,115	-	3,710,754
	5,461,709	164,201	(125,775)	5,500,135

	Pada 31 Disember 2020 RM
AMAUN BAWAAN BERSIH	
Bangunan	3,138,410
Kenderaan	6
Peralatan Pejabat	98,237
Komputer	306,382
Ubahsuai Pejabat	140,886
	3,683,921

7 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Pada 01 Januari 2019 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pengkelasan RM	Pada 31 Disember 2019 RM
PADA NILAI KOS				
Bangunan	3,399,000	-	-	3,399,000
Kenderaan	477,148	-	-	477,148
Peralatan Pejabat	881,831	17,752	-	899,583
Komputer	334,000	107,242	(55,228)	386,014
Ubahsuai Pejabat	3,851,640	-	-	3,851,640
	8,943,619	124,994	(55,228)	9,013,385

	Pada 01 Januari 2019 RM	Tambahan RM	Pelupusan/ Pengkelasan RM	Pada 31 Disember 2019 RM
SUSUT NILAI TERKUMPUL				
Bangunan	135,960	67,980	-	203,940
Kenderaan	471,854	5,288	-	477,142
Peralatan Pejabat	833,554	25,220	-	858,774
Komputer	246,298	43,130	(50,214)	239,214
Ubahsuai Pejabat	3,651,925	30,714	-	3,682,639
	5,339,591	172,332	(50,214)	5,461,709

	Pada 31 Disember 2019 RM
AMAUN BAWAAN BERSIH	
Bangunan	3,195,060
Kenderaan	6
Peralatan Pejabat	40,809
Komputer	146,800
Ubahsuai Pejabat	169,001
	3,551,676

Merujuk kepada MPSAS 13, para 28, bangunan diiktiraf pada jumlah nilai saksama sejumlah RM3,399,000 pada tahun 2017 setelah mendapat nilaian daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH). Manakala susut nilai bangunan pula merujuk kepada MPSAS 13, para 36, iaitu susutnilai hendaklah disusutnilai pada tempoh usia gunanya iaitu 55 tahun.

Bagi susut nilai bangunan, terdapat perbezaan RM11,330 di antara Laporan Pergerakan Aset yang dijana daripada sistem kewangan dengan pengiraan sebenar. Pengiraan sebenar susut nilai bangunan adalah berdasarkan tempoh usia guna iaitu 55 tahun. Manakala di dalam sistem kewangan, kadar susut nilai dikira secara peratusan dan nombor bulat.

8 KERJA DALAM KEMAJUAN

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 01 Januari	21,526	-
Tambahan	386,505	21,526
Baki pada 31 Disember	408,031	21,526

ASM menerima peruntukan geran tambahan *one-off* daripada MESTECC bagi pembaikan bumbung ASM di Jalan Tun Ismail pada suku ke-empat tahun 2019. Jangka masa kerja pembaikan bumbung ini dijadualkan selesai pada tahun suku ke-dua tahun 2020.

Walau bagaimanapun, kerja pembaikan bumbung tergendala disebabkan pandemik Covid-19 pada suku pertama tahun 2020 dan faktor cuaca yang tidak menentu. Kerja-kerja pembaikan bumbung fasa pertama telah selesai pada 6 Julai 2020 dan fasa ke-dua yang merangkumi kerja mengecat dan pembumian dijangka selesai pada suku ke-dua tahun 2021.

9 AKAUN BELUM BAYAR BAGI URUS NIAGA PERTUKARAN

	2020 RM	2019 RM
Pemiutang Institusi	609,216	905,128
Pemiutang Lain-lain	20,000	18,750
Peruntukan Yuran Audit	19,998	18,619
	649,214	942,497

10 PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 01 Januari	252,981	200,655
Tambah : Peruntukan Tahun Semasa	284,571	237,644
Tolak : Pembayaran Tahun Semasa	(269,171)	(185,318)
Pada 31 Disember	268,381	252,981

	2020 RM	2019 RM
Liabiliti Semasa	238,610	229,395
Liabiliti Bukan Semasa	29,771	23,586
	268,381	252,981

11 SUMBANGAN

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 01 Januari	337,385	245,202
Tambahan	20,630	98,233
Perbelanjaan	(358,015)	(6,050)
Baki pada 31 Disember	-	337,385

Pecahan sumbangan adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Dana Utama	-	140,930
Program Pembangunan Bakat	-	35,193
Program Kesedaran Sains	-	5,300
ArtScience	-	90,151
Program Pembangunan Ilmu Sains	-	5,011
Program Pembangunan Kelestarian	-	15,000
S&T Based Start-ups	-	800
Penerbitan	-	32,000
Program Saintis Muda	-	13,000
	-	337,385

ASM menerima derma daripada ahli ASM dan bukan ahli untuk pelaksanaan pelbagai program. Sumbangan yang diberi adalah secara sukarela berdasarkan kekerapan sama ada secara bulanan, tahunan atau *one-off*. Sumbangan adalah berdasarkan objektif yang khusus di mana ASM bertanggungjawab melaksanakan program tersebut apabila mencapai nilai yang mencukupi.

Walau bagaimanapun, pelepasan cukai ASM kepada penderma di bawah Subseksyen 44 (6), Akta Cukai Pendapatan 1957 telah dipendekkan sehingga 31.12.2020. Perbelanjaan program yang menggunakan dana sumbangan ini boleh dirujuk pada nota 19 – Perbelanjaan Program Sains.

12 PENDAPATAN TERTUNDA

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 01 Januari	1,438,383	867,295
Tambahan	358,545	1,931,363
Pelunasan ke Penyata Prestasi Kewangan		
Perbelanjaan	(538,524)	(1,350,184)
Perlunasan Hasil	-	(10,091)
Baki pada 31 Disember	1,258,404	1,438,383

12 PENDAPATAN TERTUNDA (SAMB.)

Pecahan pendapatan tertunda adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
ASM		
ASEAN *Young Scientists Network*	48,697	48,697
ISC ROAP	1,209,707	1,389,686
	1,258,404	1,438,383

Pendapatan tertunda adalah peruntukan yang diterima daripada pihak bukan Kerajaan Malaysia, dan ianya merangkumi geran antarabangsa atau geran daripada sesuatu firma korporat atau organisasi. ASM adalah terikat dengan terma rujukan dan tempoh pelaksanaan program seperti yang dihuraikan dalam perjanjian atau surat lantikan.

13 GERAN TERTUNDA

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 01 Januari	10,613,173	47,182,050
Tambahan	6,686,555	7,498,227
Pelarasan	105,552	(1,479,550)
Pemulangan Peruntukan	(290,007)	(40,603,135)
Pelunasan ke Penyata Prestasi Kewangan Perbelanjaan	(5,880,174)	(1,984,419)
Baki pada 31 Disember	11,235,099	10,613,173

Geran tertunda adalah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Malaysia bagi suatu objektif yang khusus. ASM adalah terikat dengan terma rujukan dan tempoh pelaksanaan program seperti yang dihuraikan dalam perjanjian atau surat lantikan.

Geran tertunda dianalisis seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Liabiliti Bukan Semasa	11,235,099	10,613,173
	11,235,099	10,613,173

13 GERAN TERTUNDA (SAMB.)

Pecahan peruntukan geran tertunda adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
ASM		
Newton Ungku Omar Fund (NUOF)	3,022,124	3,484,360
Kajian Impak Pelaksanaan Universiti Penyelidikan	-	23,350
Kajian Separuh Penggal Pelan Pembangunan Pendidikan 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)	-	19,620
Dasar Keusahawanan Negara	-	3,541
Task Force Sg Kim Kim	-	94,369
ASEAN *Foresight Alliance*	-	8,983
Malaysian Collaborative Network Platform for Disruptive Innovation (i-CONNECT)	2,421,238	3,988,807
Malaysia Open Science Platform (MOSP)	538,072	991,475
Review & Update Study on Environmental Quality Act	1,717,047	1,998,668
Water Sector Transformation 2040	3,372,125	-
Virtual National Science Challenge (VNSC) & Minggu Sains Negara	29,838	-
Review of National Nanotechnology Policy	6,250	-
Kajian MOE	128,405	-
	11,235,099	10,613,173

14 GERAN TERTUNDA - PEJABAT ANTARABANGSA

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 01 Januari	1,589,745	1,664,872
- (Seperti yang Dinyatakan Terdahulu)		
Hasil	844,916	2,505,000
Pelunasan ke Penyata Prestasi Kewangan		
Perbelanjaan	(1,324,819)	(2,580,127)
Baki pada 31 Disember	1,109,842	1,589,745

Geran tertunda dianalisis seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Liabiliti Bukan Semasa	1,109,842	1,589,745
	1,109,842	1,589,745

14 GERAN TERTUNDA - PEJABAT ANTARABANGSA (SAMB.)

International Science Council Regional Office for Asia and the Pacific (ISC ROAP)

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 01 Januari	996,234	864,019
- (Seperti yang Dinyatakan Terdahulu)		
Hasil	374,372	1,000,000
Pelunasan ke Penyata Prestasi Kewangan		
Perbelanjaan	(552,288)	(867,785)
Baki pada 31 Disember	818,318	996,234

International Science Council (ISC) memainkan peranan di peringkat global sebagai pemangkin dan mengadakan persidangan kepakaran saintifik, memberi nasihat dan input mengenai isu-isu yang menjadi keutamaan sains dan masyarakat. ISC telah dilancarkan pada 2018 berikutan penggabungan International Council for Science (ICSU) yang telah ditubuhkan pada 1931, dan International Social Science Council (ISSC) yang telah ditubuhkan pada 1952.

ISC ROAP (sebelum ini dikenali sebagai ICSU ROAP) dihos oleh Kerajaan Malaysia bermula 19 September 2006 berikutan perjanjian lima (5) tahun antara Kerajaan Malaysia dan ISC (sebelum ini dikenali sebagai ICSU). Peruntukan operasi ditanggung oleh Kerajaan Malaysia manakala peruntukan program ditanggung oleh ISC. Perjanjian kali ketiga akan tamat pada 18 September 2021.

Bagi tahun 2020, ASM menyalurkan peruntukan mengurus sebanyak 37% sahaja iaitu RM374,372 berbanding siling peruntukan asal yang berjumlah RM1,000,000 setahun. ASM menyarankan ISC ROAP menggunakan baki terkumpul bagi menampung perbelanjaan kos operasi tahun semasa.

International Science, Technology & Innovation Centre (ISTIC)

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 01 Januari	593,511	800,853
- (Seperti yang Dinyatakan Terdahulu)		
Hasil	470,544	1,505,000
Pelunasan ke Penyata Prestasi Kewangan		
Perbelanjaan	(772,531)	(1,712,342)
Baki pada 31 Disember	291,524	593,511

ISTIC merupakan pusat UNESCO kategori II yang dihos oleh Kerajaan Malaysia sejak 26 Mac 2009 (dilancarkan pada 22 Mei 2008). ISTIC ditubuhkan untuk membangunkan dan melaksanakan program kerjasama dengan negara-negara selatan dalam bidang sains dan teknologi dengan tujuan untuk memudah cara integrasi pendekatan pembangunan di dalam sains dan teknologi dan dasar inovasi di peringkat nasional; meningkatkan keupayaan dalam sains dan teknologi dengan memberikan nasihat dasar dan pertukaran pengalaman dan amalan terbaik; dan mewujudkan rangkaian pusat-pusat kecemerlangan penyelesaian masalah di negara-negara membangun serta menyokong pertukaran pelajar, penyelidik, saintis dan teknologis di kalangan negara-negara membangun.

14 GERAN TERTUNDA – PEJABAT ANTARABANGSA (SAMB.)

ISTIC dihos oleh Kerajaan Malaysia untuk tempoh lima (5) tahun berdasarkan perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan UNESCO dan perjanjian ketiga akan tamat pada 7 September 2021. Kos operasi dan program adalah ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Bagi tahun 2020, ASM menyalurkan peruntukan mengurus sebanyak 31% sahaja iaitu RM470,544 berbanding siling peruntukan asal yang berjumlah RM1,500,000 setahun. ASM menyarankan ISTIC menggunakan baki terkumpul bagi menampung perbelanjaan kos operasi tahun semasa.

15 URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2020 RM	2019 RM
Geran Mengurus	8,164,709	5,879,871
Geran Tambahan	-	4,795,783
	8,164,709	10,675,654
Geran Program	-	1,182,849
Pelunasan Hasil Geran Tertunda	5,880,174	1,984,420
Pelunasan Hasil Geran Tertunda – Pejabat Antarabangsa	1,324,819	2,580,127
Pelunasan Pendapatan Tertunda	538,524	1,350,184
Pelunasan Sumbangan	358,016	6,050
Lain-lain Hasil:		
Caj Sewaan Pejabat	40,300	82,000
Bayaran Balik Program	25,010	-
Kutipan Majlis Makan Malam	-	400
Lebihan Baki Projek	-	31,089
	16,331,552	17,892,773

16 URUS NIAGA PERTUKARAN

	2020 RM	2019 RM
Caj Pengurusan Program	752,608	-
Faedah Akaun Semasa	2,029	18,037
Faedah Simpanan Tetap	691,798	512,308
Hutang Lapuk Pulih Semula	-	2,300
Bayaran Balik GST	132,658	33,900
Lain-lain Hasil	116,519	91,816
	1,695,612	658,361

17 GAJI DAN UPAHAN

	2020 RM	2019 RM
Kakitangan Tetap:		
Gaji dan Upahan	526,706	549,976
Elaun-elaun Tetap	158,398	168,527
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	40,528	40,160
Elaun Lebih Masa Kakitangan	4,348	3,149
Faedah Kewangan Yang Lain	9,529	9,694
	739,509	771,506

Kakitangan tetap ASM adalah merupakan kakitangan perkhidmatan awam yang mengisi waran perjawatan JPA. Pembayaran gaji, upah dan bayaran kenaan tetap adalah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2016.

18 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2020 RM	2019 RM
Perbelanjaan Pengurusan Pentadbiran	976,245	1,288,425
Emolumen Kakitangan Kontrak	4,283,234	3,856,849
Komunikasi Sains	442,771	208,936
Hal Ehwal Keahlian	372,966	505,946
	6,075,216	5,860,156

Perkhidmatan dan Bekalan merupakan perbelanjaan operasi ASM yang merangkumi Perbelanjaan Pengurusan Pentadbiran yang melibatkan perbelanjaan pengurusan fasiliti, teknologi maklumat, kewangan dan akaun, pengurusan data dan analis dan perbelanjaan bagi jawatankuasa dan badan bertindak ASM. Selain itu, gaji dan upahan bagi kakitangan kontrak ASM adalah dilantik mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 2/2008. Pembayaran gaji, upah dan bayaran kenaan tetap adalah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/2016.

19 PERBELANJAAN PROGRAM SAINS

	2020 RM	2019 RM
Aktiviti Jaringan Kerjasama dan Kecemerlangan Sains		
Science Outlook	371,020	20,350
Special Interest Group (SIG)	53,568	-
Jawatankuasa Dasar dan Nasihat STI – STIPAC	43,870	40,457
Inisiatif dan Kerjasama STI	62,523	268,058
Hal Ehwal Antarabangsa	7,512	(217,448)
Komunikasi Sains	59,511	40,068
	598,004	151,485

19 PERBELANJAAN PROGRAM SAINS (SAMB.)

	2020 RM	2019 RM
Perbelanjaan Geran Tertunda		
Newton Ungku Omar Fund (NUOF)	462,236	929,355
National Policy on Science, Technology and Innovation (NPSTI)	-	161,122
Science Technology and Innovation Master Plan (STIMP)	-	238,434
Roadmap for Water Sector Transformation 2040	1,627,875	-
Kajian Impak Pelaksanaan Universiti Penyelidikan	8,275	283,318
Kajian Separuh Penggal Pelan Pembangunan Pendidikan 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)	4,833	159,493
Dasar Keusahawanan Negara	8,300	55,775
Minggu Sains Negara	3,750	75,576
Virtual National Science Challenge (VNSC)	48,562	-
Task Force Sg Kim Kim	-	19,280
Review of National Nanotechnology Policy and Strategy	13,750	-
ASEAN *Foresight Alliance*	-	41,017
Malaysian Collaborative Network (i-Connect)	2,967,569	11,193
Malaysia Open Science Platform (MOSP)	453,403	8,525
Review & Update Study on Environmental Quality Act	281,621	1,332
	5,880,174	1,984,420
Perbelanjaan Geran Tertunda - Pejabat Antarabangsa		
International Science Council Regional Office for Asia and the Pacific (ISC ROAP)	552,288	867,785
International Science, Technology & Innovation Centre (ISTIC)	772,531	1,712,342
	1,324,819	2,580,127
Perbelanjaan Pendapatan Tertunda		
ISC ROAP	538,524	1,293,160
2019 *CCM STEM Up Challenge*	-	23,267
ASEAN *Young Scientists Network*	-	33,757
	538,524	1,350,184
Perbelanjaan Sumbangan		
Estidotmy	205,000	-
Artscience Prize	87,396	4,050
Virtual National Science Challenge (VNSC)	45,076	-
Young Scientists Network (YSN-ASM)	20,543	-
Biografi	-	2,000
	358,015	6,050
	8,699,536	6,072,266

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh ASM adalah tersenarai sebagai Program Sains. Ini merangkumi aktiviti teras ASM dan juga aktiviti yang dilaksanakan oleh ASM bagi pihak Kerajaan dan atau organisasi lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui geran/peruntukan yang diterima.

Perbelanjaan Kajian, Program dan Aktiviti ASM merupakan aktiviti-aktiviti teras yang dilaksanakan bagi memenuhi 14 fungsi ASM seperti yang dimandatkan dalam Akta Akademi Sains Malaysia 1994. Aktiviti-aktiviti ini berdasarkan strategi dan hala tuju semasa yang ditetapkan oleh Majlis ASM. Manakala, Perbelanjaan Geran Tertunda merupakan aktiviti yang dilaksanakan dengan memenuhi terma dan syarat sesuatu program.

20 PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

	2020 RM	2019 RM
Kelab Sukan dan Kebajikan	25,000	25,000
Pencen	61,534	67,696
Sumbangan/Langganan Antarabangsa	38,092	41,535
	124,626	134,231

21 MANFAAT KAKITANGAN

